

Jilid III
Bil. 45



MALAYSIA

Hari Isnin
15hb November 1993

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Ruangan 9015]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1994 [Ruangan 9052]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1994 [Ruangan 9052]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD.
CAWANGAN JOHOR BAHRU
1998

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P., D.G.S.M. (Labis)

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

" Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAİK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

" Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit)

Yang Amat Berbahagia Menteri Hal Ehwal Sabah, TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K., K.C.R.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang)

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

" Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

" Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi)

" Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor)

" Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat)

" Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P. (Pekan)

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., B.S.I. (Pulai)
- " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah)
- " Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut)
- " Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng)
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- " Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya)
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan)
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat)
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut)

- " Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab)
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar)
- " Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam)
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol)
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah)
- " Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- " Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau)
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri)
- " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping)

- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah)
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.P.M.S. (Lipis)
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat)
- " TUAN ABDOL MULOQ BIN AWANG DAMIT (Labuan)
- " DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing)
- " TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang)
- " TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut)
- " DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu)
- " TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar)
- " DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K. (Kuala Nerus)
- " DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- " TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa)
- " DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- " TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru)
- " TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh)
- " TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang)
- " DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu)
- " DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu)
- " TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun)
- " TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai)
- " DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat)

Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang)

- " TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang)
- " TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok)
- " TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam)
- " TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar)
- " TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- " DR V. DAVID (Puchong)
- " TUAN FONG KUI LUN (Klang)
- " TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah)
- " TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau)
- " TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera)
- " TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh)
- " TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram)
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas)
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah)
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai)
- " TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah)
- " CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani)
- " LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu)
- " PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu)
- " TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar)
- " DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS, D.I.M.P. (Rompin)
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu)
- " TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit)
- " TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau)
- " TUAN KANG CHOW OH (Kluang)
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong)
- " TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji)
- " DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya)
- " TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan)
- " TUAN LAU DAK KEE (Ipoh)

Yang Berhormat TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu)

- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh)
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka)
- " TUAN LIM HOCK SENG (Bagan)
- " TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong)
- " PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai)
- " DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut)
- " TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam)
- " DATUK MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud)
- " DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang)
- " TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan)
- " TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas)
- " DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran)
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri)
- " TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai)
- " TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru)
- " DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah)
- " DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang)
- " TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam)
- " DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)
- " DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran)
- " TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit)
- " DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun)
- " DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis)
- " TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan)
- " DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu)
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau)
- " TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor)
- " DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading)
- " DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong Tebal)
- " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- " TUAN RADIN MALLEH (Padas)

Yang Berhormat PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam)

- " Y.T.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- " TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian)
- " PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong)
- " TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong)
- " TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang)
- " DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang)
- " TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau)
- " TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching)
- " PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau)
- " TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas)
- " TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan)
- " DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman)
- " TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi)
- " DR TAN SENG GIAW (Kepong)
- " TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau)
- " TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong)
- " WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar)
- " WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar)
- " TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat)
- " WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasar Puteh)
- " TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang)
- " DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu)
- " TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang)
- " TUAN WONG WING ON (Kampar)
- " TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai)
- " TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru)
- " TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau)
- " TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban)
- " TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, A.M.N., P.J.K.,
A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 15hb November, 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PROTON WIRA DIJADIKAN
TEKSI PADA TAHUN MELAWAT
MALAYSIA 1994**

1. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah sebilangan teksi baru Proton Wira akan muncul beroperasi pada tahun 1994 iaitu Tahun Melawat Malaysia dengan warna yang menarik dan adakah permohonan untuk mendapat permit teksi jenis ini sudah dibuka kepada orang ramai.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, sebilangan teksi menggunakan Proton Wira akan muncul beroperasi pada tahun 1994. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, teksi-teksi tersebut bukanlah milik pengusaha baru kerana pengeluaran lesen teksi di Wilayah Persekutuan dan sekitar masih dibekukan sehingga kini. Teksi-teksi tersebut adalah milik pengusaha sedia ada yang sebilangan besarnya akan menggantikan kenderaan lama yang

dipakai oleh mereka pada masa ini dengan Proton Wira.

Persoalan mengenai warna baru masih belum difikirkan oleh Kementerian Perusahaan Awam.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, apakah pihak Kerajaan atau Kementerian berhasrat untuk menurunkan harga Proton Wira selaras dengan harga di pasaran antarabangsa, terutamanya di Britain?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu bukan di bawah Kementerian Perusahaan Awam untuk menentukan harga kereta.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di samping teksi untuk Tahun Melawat Malaysia 1994, adakah Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan permit teksi bagi Sukan Komanwel Tahun 1998. Adakah Proton diminta menyediakan teksi bagi maksud tersebut? Jika ada, berapakah bilangan yang diperlukan?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, tahun 1998 masih jauh lagi dan tidak ada cadangan daripada Kementerian Perusahaan Awam, kerana seperti yang saya maklumkan tadi bahawa lesen teksi telah dibekukan mula berkuatkuasa daripada

1.1.1993 bagi seluruh sekitar Wilayah Persekutuan dan sekitar Petaling Jaya dan Shah Alam, kerana jumlah lesen teksi di Wilayah Persekutuan dan sekitar Petaling Jaya dan Shah Alam sehingga 31.10.1993 ialah 9,206. Jadi, tidaklah termasuk rancangan buat sementara waktu.

Soalan tambahan yang lain iaitu, macam mana?

Tuan Fong Kui Lun: Mengenai bilangan teksi yang digunakan pada tahun 1998 untuk Sukan Komanwel?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tidak termasuk, kerana belum lagi sampai ke situ.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam usaha Kementerian untuk menyeragamkan perkhidmatan teksi di bandar Kuala Lumpur, banyak permit teksi telah diberi kepada syarikat yang tertentu dan syarikat ini pula telah menyewakan teksi mereka kepada pemandu-pemandu (operator) teksi. Jadi, ini telah mendatangkan syarikat itu yang senang, tetapi operator teksi sendiri susah. Dalam keadaan yang demikian, adakah Kementerian bercadang untuk menggalakkan operator teksi individu yang ada sekarang menubuhkan syarikat supaya mereka diberi lesen dan mereka sendiri menjadi pemandu teksi serta juga pentadbir syarikat teksi tersebut agar tidak ditindas oleh syarikat yang diberi lesen oleh pihak Kementerian.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang pernah saya jawab di masa-masa yang lepas bahawa satu tindakan yang tegas akan diambil terhadap mana-mana syarikat yang telah

memajakkan lesen mereka. Tetapi kalau ada laporan, perkara ini bolehlah diambil tindakan. Namun demikian, oleh kerana pemberian lesen kepada individu sudah tidak lagi digalakkan atas sebab-sebab memandangkan bahawa sukar bagi perkhidmatan teksi dapat diuruskan dengan baik kalau diberi kepada pihak individu. Tetapi apabila pembekuan telah tidak lagi dikuatkuasakan, bagi mereka yang berminat dan menjadi anggota kepada satu kumpulan syarikat yang dapat menunjukkan prestasi yang baik dan dapat menjamin perkhidmatan pengurusan yang berkesan, boleh dipertimbangkan apabila pembekuan ini telah tidak lagi dikuatkuasakan.

GURU-GURU BERSARA PILIHAN SENDIRI —JUMLAH

2. **Dr. T. Marimuthu** minta Menteri Pendidikan menyatakan:—

- (a) berapakah jumlahnya guru-guru yang mengambil persaraan pilihan sendiri dalam tiga tahun kebelakangan ini;
- (b) apakah sebab-sebab utama yang dinyatakan oleh guru-guru yang memilih persaraan pilihan sendiri; dan
- (c) sila memberi butir-butir jantina mengenai guru-guru yang telah bersara di bawah persaraan pilihan sendiri.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah guru yang bersara pilihan sendiri dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini ialah seramai 3,509 orang

- (b) Sebab-sebab utama yang diberikan oleh guru-guru berkenaan ialah masalah kesihatan, masalah peribadi, ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan juga memasuki perkhidmatan swasta.
- (c) Butir-butir jantina guru-guru yang bersara pilihan sendiri ialah 1,193 orang lelaki dan 2,316 orang perempuan.

Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kekurangan guru-guru yang terlatih, bolehkah Kementerian Pendidikan mempertimbangkan cadangan bahawa guru-guru yang telah bersara, iaitu guru-guru berumur 55 tahun diberi peluang untuk mengajar dan meneruskan perkhidmatan mereka sehingga umur 60 tahun?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah mengambil balik guru-guru yang telah bersara yang ingin mengajar semula mata-mata pelajaran seperti bahasa Inggeris, Sains dan lain-lain di mana mereka ini memohon untuk bekerja semula, dengan syarat bahawa mereka masih sihat dan kontrak perkhidmatannya tiap-tiap tahun akan dikaji.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada suatu ketika dahulu ramai daripada guru kita yang merungut tentang peluang-peluang kenaikan pangkat yang amat terbatas dalam bidang pendidikan sebagai salah satu alasan kenapa mereka berhasrat untuk bersara lebih awal. Saya ingin mendapat maklumat daripada Yang terhormat berhubung dengan jumlah kenaikan pangkat yang telah diperuntukkan untuk Kementerian Pendidikan ini sehingga sekarang setakat manakah

peluang-peluang kenaikan pangkat yang telah diberi kepada guru-guru kita telah dipenuhi. Apakah peluang-peluang itu telah disediakan oleh pihak Kementerian dan berapa banyak lagi peluang-peluang kenaikan pangkat yang belum lagi diisi oleh guru-guru dan apakah alasan-alasan yang menyebabkan timbulnya masalah yang demikian?

Yang kedua, adakah pihak Kementerian menganggap bahawa guru-guru yang bersara terutama sekali yang bersara awal itu adalah satu masalah yang serius dalam Kementerian Pendidikan. Dan apakah pihak Kementerian mempunyai cara-cara tertentu untuk meminta pihak guru-guru supaya melambatkan persaraan mereka?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan pertama, saya tidak ada angka-angka yang penuh di sini, tetapi saya minta notis untuk soalan ini.

Sebab-sebab rungutan bahawa gaji yang terhad dalam profesion guru ini adalah bukannya besar bilangan yang memberi alasan itu. Sepertimana yang saya sebutkan tadi alasan-alasan masalah peribadi, kesihatan dan lain-lainnya yang mungkin mahu mencari pendapatan yang lebih dari menjadi guru di sekolah Kerajaan sekiranya mereka terlibat di dalam perniagaan, usahawan dan juga mengajar di sekolah-sekolah swasta. Inilah di antara sebab-sebabnya. Saya tidak dapat menyatakan berapa peratus tetapi masalah yang pernah disebut itu kita akan atasi bila kita melaksanakan di mana kenaikan gaji dalam skema guru ini dilaksanakan mengikut prestasi masing-masing tanpa menunggu jawatan yang perlu, di mana dulu kita menunggu jawatan kosong dan jawatan yang diperuntukkan baru untuk kenaikan

pangkat, supaya mereka ini dapat naik pangkat dan begitu juga dalam skim gaji mereka. Jadi, mungkin ini tidak akan menjadi alasan yang begitu besar kemudian hari.

Untuk soaian kedua ini bahawa guru.....soalan kedua tadi saya terlupa. Bolehkah utangkan?

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Adakah pihak Kementerian menganggap jumlah guru-guru yang bersara ini adalah satu masalah yang serius? Dan apakah langkah yang dibuat oleh pihak Kementerian untuk memujuk guru-guru ini supaya jangan bersara lebih awal?

Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih. Sebenarnya guru ini bila memohon, diberi peluang untuk berfikir dan kita tidak terus menerima perletakan jawatan atau persaraan optional ini, bahawa mereka ini kita cuba untuk mencari sebab-sebab sebenar. Seperti dalam masalah peribadi di mana mereka ini memilih untuk berhenti kerja kerana mungkin untuk keluarga masing-masing dan ada juga yang telah memulai perniagaan untuk mencebur diri dengan sepenuh masa. Banyak lagi peluang-peluang yang lain, jadi mereka ini tidak dapat kita berhentikan dari meletak jawatan pilihan mereka ini.

Untuk mengatasi masalah ini, memang kita telah memasuki angka-angka unjuran bilangan guru-guru yang kita perlu dan dilatih termasuk guru bersara cukup umur dan juga guru yang bersara secara pilihan. Dan ini kita mengambil tindakan dengan cara menambahkan lagi bilangan guru-guru pelatih dan pengambilan guru-guru di peringkat sekolah rendah dan menengah.

BURUH KANAK-KANAK— JUMLAH MAJIKAN DIDAKWA/ DIHUKUM

3. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Sumber Manusia menyatakan mengenai buruh kanak-kanak:

- (a) jumlah bilangan tepat atau anggaran buruh kanak-kanak di negara ini;
- (b) bagaimanakah cara sebaiknya Kerajaan lakukan untuk mencegah majikan dari menyalahgunakan atau mengeksploitasi buruh kanak-kanak; dan
- (c) berapa banyak majikan yang telah dihukum kerana menyalahgunakan buruh kanak-kanak setiap tahun menurut setiap sektor dan jenis kerja yang terlibat.

25.11.93

10. Tuan G. Palanivel minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sejauh manakah Kementeriannya berjaya menghapuskan buruh kanak-kanak khususnya di industri-industri kecil backyard. Apakah tindakan-tindakan diambil untuk menahan perburuhan kanak-kanak. Adakah sebarang majikan di dakwa kerana kesalahan perburuhan kanak-kanak ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]: Tuan yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi ini bersekali dengan soalan Ahli Yang terhormat dari Ulu Selangor pada 25.11.93 ini memandangkan soalan tersebut menyentuh perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baik.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Penggajian kanak-kanak dikawal di bawah Akta Penggajian (Kanak-kanak dan Orang Muda) 1966. Dalam pemeriksaan penguatkuasaan bulanan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai dari Kementerian ke atas tempat-tempat pekerjaan khususnya industri-industri kecil dan sederhana, perhatian sentiasa diberi ke atas soal penggajian kanak-kanak bagi memastikan tidak ada kanak-kanak digaji, bercanggah dengan peruntukan undang-undang atau disalahguna oleh majikan-majikan untuk kepentingan mereka.

Mengikut perangkaan Jabatan Buruh yang diperolehi melalui pemeriksaan yang dijalankan terdapat sebanyak 4,092 kanak-kanak dan orang muda yang sedang melakukan pekerjaan di beberapa tempat pekerjaan yang dibenarkan oleh undang-undang. Bilangan ini terdiri dari 1,201 perempuan dan 2,891 lelaki.

- (b) Walaupun kejadian penggajian kanak-kanak tidak begitu berleluasa, namun demikian Kementerian Sumber Manusia tetap memberi perhatian yang berat ke atas perkara tersebut. Ini bertujuan bagi mengelakkannya daripada merebak sehingga boleh membawa implikasi buruk terhadap suasana sosial dalam masyarakat. Justeru itu, beberapa langkah telah diambil oleh

Kementerian Sumber Manusia dan ini termasuk:-

- (i) memperhebatkan pemeriksaan penguatkuasaan ke atas tempat-tempat pekerjaan yang dikenal pasti kerap menggaji atau menyalahguna kanak-kanak;
- (ii) mengkaji undang-undang sedia ada yang mengawal penggajian kanak-kanak untuk tujuan memperkukuh dan meningkatkan keberkesanan peruntukan-peruntukan kawalan yang terdapat di dalam undang-undang tersebut;
- (c) Kementerian Sumber Manusia tidak akan teragak-agak untuk mendakwa mana-mana majikan yang didapati melanggar peruntukan undang-undang ataupun menyalahgunakan kanak-kanak untuk kepentingan sendiri. Semenjak tahun 1989 hingga 1992, seramai 22 orang majikan telah didakwa dan dihukum kerana kesalahan di bawah Akta Penggajian (Kanak-kanak dan Orang Muda) 1966:

<i>Tahun</i>	<i>Bil. Majikan Didakwa</i>
1989	2
1990	7
1991	5
1992	8

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Buruh kanak-kanak ini adalah merupakan satu masalah sosial yang memerlukan perhatian berat daripada masyarakat dan Kerajaan. Saya ingin tahu sama ada satu kajian menyeluruh diadakan untuk menentukan punca-punca utama yang menyebabkan wujudnya masalah buruh kanak-kanak.

Jika ya, adakah Kerajaan bercadang mengadakan rancangan untuk mengatasi masalah buruh kanak-kanak. Adakah juga Kerajaan mengadakan satu rancangan supaya memulih atau melatih kanak-kanak yang bekerja supaya mereka dilengkapi oleh kemahiran (knowledge) yang baru, yang dapat melengkapkan mereka supaya bersaing dalam pasaran pekerjaan? Dan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Ong Tee Keat]: Yang terhormat, sudah dua soalan itu.

Tuan Tan Kok Wai: Saya ingin menegaskan di sini bahawa tempat yang sepatutnya sesuai untuk kanak-kanak bukanlah di tempat-tempat pekerjaan tetapi di sekolah.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada Yang Berhormat berkenaan ada beberapa kelemahan dalam Akta Penggajian (Kanak-kanak dan Orang Muda) 1966. Misalnya dalam Akta yang tersedia ada, tidak ada peruntukan compulsory, dengan izin, bagi pihak majikan untuk melaporkan kepada Pejabat Buruh sekiranya mereka menggaji kanak-kanak. Untuk memperkukuhkan dan menguatkuasakan kekesanan peruntukan-peruntukan kawalan yang terdapat di dalam undang-undang yang ada, Kementerian Sumber Manusia sedang mengkaji semula semua peruntukan untuk menjaga kebajikan kanak-kanak dan orang muda.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengetahui mengenai kategori buruh kanak-kanak ini. Adakah kanak-kanak yang membantu keluarga juga dianggap sebagai buruh? Dan juga saya rasa kurang

jelas mengenai kajian akta yang akan dibuat mengenai perancangan-perancangan untuk menentukan kanak-kanak ini berada di dalam alam persekolahan. Apakah Kementerian Buruh tidak ada satu kordinasi, iaitu tindakan lanjutan dibawa kanak-kanak ini kepada Kementerian Pendidikan untuk menentukan sekiranya mereka ini datang dari keluarga yang tidak mampu, sedangkan mereka adalah di kalangan kanak-kanak yang boleh belajar, disalurkan kepada persekolahan dan diberi biasiswa. Sekiranya yang kurang cerdas, diberikan pendidikan kemahiran. Daripada 4,092 orang, dan berapa orang telah dapat bantuan daripada Kementerian Buruh?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya beri jawapan keseluruhan, saya ingat Yang Berhormat berkenaan boleh faham. Umur minimum bagi seorang kanak-kanak dan orang muda boleh bekerja ialah 16 tahun. Bagaimanapun, di bawah Akta Penggajian (Kanak-kanak dan Orang Muda) 1966, seseorang yang berumur di bawah 16 tahun dibolehkan bekerja di dalam pekerjaan-pekerjaan ringan dengan syarat-syarat seperti waktu kerja tidak boleh melebihi 7 jam dan bekerja hanya pada siang hari saja. Manakala kanak-kanak bekerja dengan ibu bapa atau penjaga mereka sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Datin Ling Chooi Sieng.

[Soalan No. 4 – Y.B. Datin Ling Chooi Sieng tidak hadir]

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SEPANG— KOS PROJEK

5. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid minta Menteri Kewangan

menyatakan berapakah harga sebenar Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang yang akan dibuat. Apakah harga ini termasuk kos pengambilan tanah. Apakah akhirnya Lapangan Terbang ini akan diswastakan.

18.11.93

22. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bagaimanakah kedudukan pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA); dan
- (b) bagaimanakah penyertaan tempatan dalam projek berkenaan.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Abdul Ghani bin Othman]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pertanyaan berkaitan dengan perkara yang sama telah juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Rompin yang dijadualkan dijawab pada 18hb November 1993, saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini serentak sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baiklah.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Untuk makluman Ahli-Ahli Yang terhormat, Kerajaan telah menawarkan satu kontrak rekabentuk kejuruteraan pada bulan Disember, 1992 yang merangkumi perancangan kejuruteraan bagi susunatur Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang dan rekabentuk awalan kompleks terminal penumpang, kerja-kerja tanah, perparitan serta perancangan ruang udara. Setakat ini, kerja-kerja rekabentuk telah dijalankan mengikut jadual dan dijangka siap pada bulan Mac, 1994.

Firma-firma yang telah ditawarkan kontrak bagi rekabentuk kejuruteraan ialah Anglo-Japanese Airport Consortium Sdn. Bhd., manakala bagi kontrak kerja awalan dan pembinaan jalan sementara sepanjang 15 km ialah Syarikat Ismail Ibrahim Sdn. Bhd./Pembinaan Mitra Jaya Sdn. Bhd., G.V Construction Sdn. Bhd. dan Syarikat Kobena-Cygal J.V.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan bagi projek Lapangan Terbang Sepang setakat ini ialah RM560 juta, termasuk pembayaran pampasan tanah. Anggaran jumlah kos keseluruhan projek ialah dalam lingkungan RM8 ribu juta sehingga RM9 ribu juta. Anggaran ini hanya akan dapat ditentukan selepas rekabentuk keseluruhan projek siap.

Pada masa ini, Kerajaan sedang mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Jepun di atas kemungkinan mengadakan pinjaman kewangan dengan Overseas Economic Cooperation Fund (OECF), Japan bagi biayai pembinaan Kompleks Terminal. Pihak Kerajaan British pula telah bersetuju memberi grant sebanyak £40 untuk projek ini. Syarat-syarat untuk kegunaan grant itu sedang diuruskan oleh Perbendaharaan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang terhormat, Kerajaan mengambil maklum akan minat yang ditunjukkan oleh pelbagai pihak untuk mengambil bahagian dalam projek ini. Tender projek akan dikeluarkan dari masa ke semasa mengikut keperluan projek dan pihak-pihak yang berminat boleh mengambil bahagian mengikut bidang-bidang kepakaran masing-masing. Kerajaan juga masih mengkaji isu-isu mengenai penswastaaan Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang dan keputusan muktamad

mengenaunya belum dibuat. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah memutuskan bahawa operasi dan penyelenggaraan Lapangan Terbang Sepang akan dijalankan oleh Malaysia Airport Berhad.

Mengenai penyertaan tempatan dalam projek berkenaan, adalah dimaklumkan bahawa pihak Kerajaan telah membuat keputusan untuk memaksimumkan penglibatan syarikat-syarikat tempatan dalam projek ini. Dalam hal ini, kerja-kerja yang boleh dilaksanakan oleh syarikat-syarikat tempatan akan dikhasikan kepada kontraktor-kontraktor tempatan, manakala kerja yang diberikan kepada kontraktor asing, Kerajaan mensyaratkan pula supaya sub-kontraktor tempatan digunakan.

Dato' Haji Mohd. Shariff bin Jajang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah benar kerja-kerja awalan pembinaan Lapangan Terbang ini agak terlewat ataupun sudah terlewat daripada jadual yang dijangka ataupun yang dirancangkan, dan jika benar, apakah sebab-sebabnya. Adakah Kerajaan yakin KLIA ini akan siap dibina menjelang 31hb Disember, 1997?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kerja awalan yang dimaksudkan ialah membuat jalan sementara sepanjang 15 km. untuk mengizinkan kerja-kerja di tapak Lapangan Terbang ini boleh dilaksanakan. Maka kontrak-kontrak tersebut telahpun diputuskan, di mana tiga syarikat telah dipilih untuk melaksanakan kerja-kerja awalan. Apabila Yang Berhormat dari Sepang maksudkan mana satu yang terlewat, untuk makluman Dewan ini bahawa kerja-kerja rekabentuk susunatur Lapangan Terbang ini, iaitu yang dibuat oleh pihak Anglo-Airport Japanese Consortium Sdn. Bhd., masih

sedang berjalan dan dianggap ada terlewat di sana sini. Walau begitu, mereka masih lagi dijangkakan akan dapat menyempurnakan kerja-kerja mereka pada tarikh yang telah diputuskan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan masih lagi berpegang kepada matlamat bahawa Lapangan Terbang ini akan siap seperti yang dijangkakan.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut bahawa Kerajaan British ada memberi grant – kalau tidak silap saya £40 juta untuk projek Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang ini. Saya difahamkan, Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan telahpun memberi satu pakej kontrak kepada syarikat British untuk kerja-kerja menambun tanah di tapak Lapangan Terbang tersebut. Soalan saya, adakah grant yang diberi oleh Kerajaan British itu menjadikan syarat Kerajaan kita memberi kerja-kerja pakej pembinaan Lapangan Terbang ini kepada mana-mana syarikat British yang memasuki tender di dalam pembinaan Lapangan Terbang ini?

Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua, banyak cakap-cakap yang kita dengar bahawa kunjungan Lady Margaret Thatcher baru-baru ini, di samping membuat lawatan rasmi, beliau telah mengambil kesempatan untuk melobi kepada syarikat-syarikat tertentu British untuk mendapatkan kontrak di dalam pakej-pakej pembinaan lapangan terbang ini. Saya ingin tahu sama ada cakap-cakap berkenaan dengan lobi yang dijalankan oleh Lady Margaret Thatcher ini benar ataupun tidak?

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Tuan Yang di-Pertua, pihak Anglo-Japanese Consortium Sdn. Bhd. sudahpun diberi satu pakej yang digelar 'Pakej Ketiga Untuk Kerja-kerja Tanah' yang bernilai lebih kurang RM280 juta dan pakej ini disyaratkan pula bahawa pada peringkat pelaksanaannya sub-kontraktornya hendaklah daripada kalangan syarikat-syarikat tempatan. Jadi, apabila Anglo-Japanese Consortium Sdn. Bhd. dipilih untuk menyelaraskan kerja-kerja mereka lapangan terbang ini, maka ada pampasan yang sewajarnya dibayar oleh pihak Kerajaan. Adalah satu perkara biasa, di mana Kerajaan British, berdasarkan kepada projek-projek tertentu, memberi grant dan kebelakangan ini memberi satu grant bernilai £40 milion.

Tuan Yang di-Pertua, pakej yang ketiga ini, yang diberikan kepada AJAC adalah berdasarkan kepada kemampuan pihak AJAC bukan sahaja sebagai consultant, tetapi juga sebagai seorang kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja seperti pakej yang ketiga ini. Saya sekali-kali menyangkal adanya hubungan di antara grant dengan pakej ketiga ini yang dinikmati oleh AJAC.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar untuk kita mengaitkan lawatan Lady Margaret Thatcher ke Malaysia kebelakangan ini, kerana lawatan Lady Thatcher ke Malaysia adalah berdasarkan kepada jemputan pihak swasta iaitu CITIBANK dan rangka lawatan Lady Thatcher adalah mengikut schedule atau item-item yang diatur oleh pihak CITIBANK dan tidak ada kaitannya dengan melobi untuk kepentingan pihak British.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tuan Mohamed Khaled bin Nordin.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin:

Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit pembedaan kepada soalan nombor 6 ini. Para (b) baris yang kedua perkataan "pembalakan" sepatutnya tidak ada. Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 6.

**INDUSTRI KECIL DAN
SEDERHANA/INDUSTRI BESAR
—KESAN KEJAYAAN.**

6. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:—

- (a) sejauh manakah Kerajaan telah berjaya melahirkan pertalian antara industri kecil dan sederhana dengan industri-industri besar; dan
- (b) apakah kesan daripada kejayaan tersebut khususnya dari segi pengurangan import alat-alat ganti dan komponen-komponen tertentu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian
Perdagangan Antarabangsa dan
Industri [Datuk S.S Subramaniam]:**

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkat pertalian antara industri kecil dan sederhana (IKS) dengan industri besar tempatan dan "Multi-National Corporations (MNCs)". Melalui pertalian ini, IKS akan memperolehi pasaran, bimbingan teknikal serta bantuan peningkatan kualiti dari industri-industri besar berkenaan. Untuk tujuan ini, dua program pembangunan IKS telah dilancarkan seperti berikut:—

- (i) Program Pembangunan Vendor; dan
- (ii) Program Pemasaran Bersepadu Konsep Payung Perabot Guthrie dan Makanan Besta.

Di bawah Program Pembangunan Vendor, sehingga November, 1993, terdapat 10 buah syarikat besar dan MNCs yang menjadi syarikat utama (anchor). Syarikat-syarikat anchor ini telah melantik 36 buah syarikat IKS sebagai vendor mereka. Melalui pertalian sebegini, nilai pembelian komponen oleh syarikat anchor dari syarikat vendor IKS ini adalah sebanyak RM70 juta pada tahun 1992 dan RM102 juta bagi tempoh Januari hingga September, 1993.

Bagi Program Pemasaran Bersepadu Konsep Payung Perabot Guthrie dan Makanan Besta terdapat tiga buah syarikat besar menjadi syarikat payung berkenaan. Di bawah program ini, sehingga November, 1993, syarikat payung tersebut telah melantik 145 buah syarikat IKS sebagai syarikat anak payung mereka. Melalui pertalian tersebut, nilai kontrak yang diuruskan oleh syarikat-syarikat payung kepada syarikat-syarikat anak payung untuk memenuhi kontrak Kerajaan dan pasaran terbuka berjumlah RM69 juta pada tahun 1992 dan RM48 juta bagi tempoh Januari hingga September, 1993.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan (b), sungguhpun Kerajaan berjaya menggalakkan pertalian antara IKS dengan industri besar berkenaan tetapi kesannya terhadap pengurangan nilai import masih belum memuaskan. Bagi tahun 1992, nilai import oleh syarikat anchor ialah RM2,292 juta dan menurun kepada RM2,135 juta bagi tempoh Januari hingga September, 1993. Ini disebabkan syarikat-syarikat anchor berterusan mengimport komponen-komponen yang berteknologi tinggi dan yang kurang berdaya maju atau 'viable' untuk diusahakan oleh IKS tempatan. Di samping itu, nilai import yang tinggi juga disebabkan oleh kenaikan nilai matawang asing dari tahun ke tahun.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat anchor dan lain-lain industri besar untuk menggunakan komponen tempatan melalui dasar kandungan bahan tempatan bagi industri otomotif serta industri elektrik dan elektronik dan pemindahan teknologi asing yang sesuai kepada IKS tempatan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan bahawa sejumlah 145 anak-anak payung (anchor) yang terlibat dalam syarikat-syarikat payung yang telah dilantik oleh Kerajaan. Persoalan saya, bagaimana kalau ada syarikat-syarikat lain, terutama sekali di luar bandar yang mahu menyertai syarikat-syarikat anchor dan payung untuk menjadi anak, terutama sekali bagi mereka yang tinggal di luar bandar. Bagaimana usaha mereka dan ke mana mereka perlu datang dan kepada siapa mereka perlu berjumpa untuk menjadi anak kepada syarikat-syarikat anchor dan payung? Itu yang pertama.

Kedua, berapa peratuskah, dari segi industri yang diterokai oleh anchor dan ibu payung tadi terjumlah kepada industri-industri baru yang bukan sekadar hanya membuat kicap atau makanan? Adakah usaha Kerajaan khusus untuk melibatkan syarikat-syarikat anchor dan payung ini kepada menerokai bidang-bidang industri oleh syarikat-syarikat baru yang akan datang?

Datuk S.S Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa-apa halangan untuk syarikat-syarikat dalam bandar ataupun luar bandar untuk menjadi anak syarikat kepada syarikat-syarikat payung ataupun syarikat-syarikat besar ini. Sebenarnya, kita mempunyai

2,444 syarikat IKS yang telah pun berdaftar dengan kita untuk menjadi anak syarikat kepada syarikat-syarikat besar ini. Oleh yang demikian tidak ada apa-apa halangan untuk sesiapa mendaftar dengan kita dan menjadi anak syarikat kepada syarikat-syarikat besar ini.

Tetapi hanya satu masalah sahaja yang timbul, iaitu sehingga masa kini kita hanya mempunyai 181 syarikat payung besar yang telahpun bersetuju untuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat IKS untuk menjadi syarikat-syarikat komponen dan syarikat barangan yang diperlukan oleh syarikat-syarikat besar ini. Kerajaan sedang berusaha dengan begitu gigih untuk mendapatkan lebih syarikat-syarikat besar supaya menjadi syarikat payung kepada lebih banyak syarikat-syarikat IKS dan syarikat-syarikat kecil.

Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan yang kedua, saya tidak begitu jelas tentang maksudnya dan saya tidak begitu faham.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Kebimbangan kita terhadap penumpuan hanya kepada industri seperti makanan, jahitan ataupun membuat kicap. Ini adalah merupakan 'sunset' industri. Persoalan saya ialah adakah tumpuan yang khusus oleh Kementerian untuk pembangunan IKS bagi industri-industri baru iaitu 'industries of tomorrow' seperti 'sheet-metal' dan teknologi yang tinggi – adakah pendekatan yang khusus?

Datuk S.S Subramaniam: Memang itulah hasrat dan tujuan kita untuk membangunkan lebih banyak IKS yang berteknologi tinggi. Memang seperti yang saya telah katakan tadi, kita sedang menghadapi masalah untuk mencari

syarikat-syarikat IKS yang berteknologi tinggi supaya menjadi anak-anak syarikat kepada syarikat-syarikat besarnya. Itulah tujuan kita, tetapi kemajuan di dalam perkara ini masih berkurangan dan syarikat-syarikat besar ini masih mengimport syarikat-syarikat kecil dari luar negeri untuk membekalkan barang-barang kepada mereka. Ini satu masalah dan kita sedang mencari jalan untuk mengatasi.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya mengenai semangat IKS terhadap ekonomi negara. Adakah pihak Kementerian sedar bahawa setakat ini, sungguhpun IKS menghadapi masalah-masalah untuk menyesuaikan diri dalam keadaan ekonomi yang moden dan baru, usaha Kerajaan untuk membantu IKS nampaknya tidak beberapa berjaya seperti yang boleh dinilai dari segi tabung yang disediakan tidak mendapat sambutan yang sebegitu menggalakkan. Bolehkah pihak Kementerian memberitahu Dewan yang mulia ini, dari segi penyertaan ke atas tabung yang disediakan oleh pihak Kementerian untuk membantu IKS dan juga menyesuaikan diri dalam keadaan ekonomi dan management trend yang baru, setakat mana pencapaiannya?

Datuk S.S Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kita memang telah menyediakan beberapa program-program untuk membantu syarikat-syarikat IKS ini untuk mengambil bahagian dalam program membangunkan negara kita di dalam industri dan sebagainya. Memang boleh dikatakan pada masa ini ianya tidak mencukupi tetapi Kerajaan dan Kementerian kita khususnya sedang menumpu kepada semua masalah yang dihadapi oleh IKS untuk mengambil bahagian di dalam industri-industri yang sedang didirikan di dalam negara kita.

Seperti yang telah saya katakan tadi, program-program yang kita berikan ialah untuk bantuan teknikal dan kewangan, untuk mencari pasaran dan untuk membeli barang-barang seperti machinery dan sebagainya. Tetapi boleh jadi ini pun tidak begitu mencukupi untuk membangunkan industri IKS di dalam negara kita dan kita sedang mencari jalan bagaimana kita boleh memperhebatkan lagi bantuan kepada IKS.

DASAR PENGKOMPUTERAN NEGARA

7. **Puan Rohani binti Abd. Karim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada akan diwujudkan sebuah "Dasar Pengkomputeran Negara" yang akan menyediakan garis panduan mengenai pengkomputeran, mengawal serta mengawas sistem pengkomputeran di negara ini, terutama sekali tentang pembangunan sistem "software".

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan setakat ini belum ada satu "Dasar Pengkomputeran Negara". Walau bagaimanapun, mekanisme pentadbiran, rangka dasar serta garis panduan-garis panduan telah diwujudkan untuk mengawal serta mengawasi pembangunan Sistem Pengkomputeran Negara.

Satu Rancangan Teknologi Maklumat Negara telah dirangka dalam tahun 1990 sebagai satu garis panduan dalam menentukan halacará dalam pembangunan dan penggunaan teknologi maklumat di negara ini. Rancangan tersebut memberi penekanan kepada lima bidang tumpuan strategik dalam pembangunan teknologi maklumat iaitu masyarakat maklumat, pembangunan sumber manusia, infrastuktur, industri

dan organisasi. Draf rancangan ini telah menjadi 'input' utama dalam penyediaan satu program teknologi maklumat di dalam Rancangan Malaysia keenam.

Objektif rancangan teknologi maklumat di dalam Rancangan Malaysia Keenam adalah seperti berikut:-

- (i) untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan Kerajaan;
- (ii) untuk meningkatkan produktiviti fungsi-fungsi operasi Kerajaan;
- (iii) untuk menyediakan serta memudahkan capaian kepada maklumat;
- (iv) membangunkan infrastruktur teknologi maklumat; dan
- (v) membangunkan satu masyarakat kaya maklumat.

Untuk menjamin supaya maklumat pelaksanaan rancangan pengkomputeran sektor awam adalah selaras dengan Dasar Pembangunan Negara, satu Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemprosesan Data Negara (JPDN) telah ditubuhkan dalam tahun 1985 melalui Surat Pekeliling Am Bil. 1/85. Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi mewujudkan satu mekanisme pentadbiran yang bertanggungjawab bagi menentukan pembangunan dan penggunaan teknologi maklumat di negara adalah secara tersusun dan terkawal.

Bagi memastikan kelicinan pelaksanaan, tiga Jawatankuasa lain telah ditubuhkan di bawah JPDN. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut adalah:-

- (i) Jawatankuasa Operasi Teknikal yang bertanggungjawab menentukan piawaian yang tinggi di instalasi-instalasi Kerajaan

diwujudkan, menentukan kriteria-kriteria bagi pemilihan peralatan, perisian dan perkhidmatan perunding, menyediakan garis panduan dalam hal-hal pemrosesan data; dan memperkenalkan teknik-teknik dan peralatan moden dalam prosesan data.

- (ii) Jawatankuasa Latihan dan Pendidikan yang dipertanggungjawabkan untuk merancang program-program latihan bagi menyediakan kepakaran sumber manusia yang diperlukan dalam bidang teknologi maklumat.
- (iii) Jawatankuasa Pentadbiran dan Pelaksanaan yang bertanggungjawab menilai, menyelaraskan dan menggalakkan pembangunan dan penggunaan teknologi maklumat di agensi-agensi Kerajaan serta mengesyorkan dasar-dasar komputer yang bersesuaian dengan perkembangan industri teknologi maklumat tempatan dan antarabangsa.

Jawatankuasa Operasi dan Teknikal (JOT) telah pun mengenalpasti beberapa bidang teknologi maklumat yang memerlukan piawaian seperti Sistem Terbuka (Open System), EDI (Electronic Data Interchange), pembangunan sistem aplikasi dan lain-lain.

Kerajaan menyedari masalah yang dihadapi dalam pengkomputeran Kerajaan adalah antara lain tidak adanya keseragaman kaedah dalam pembangunan sistem aplikasi. Atas kesedaran ini, satu kajian telah dijalankan dalam tahun 1989. Hasil kajian tersebut, Kerajaan telah memutuskan untuk menerima Struc-

tured Systems Analysis dan Design Methodology (SSADM) sebagai kaedah pembangunan sistem aplikasi yang diutamakan di sektor awam.

Kerajaan sedang dalam peringkat menubuhkan Majlis Teknologi Maklumat Negara. Urusetia Majlis ini akan ditempatkan di MIMOS. Majlis ini bercadang untuk membentuk Dasar Pengkomputeran Negara dengan usahasama antara Kerajaan dan sektor swasta. Ahli Majlis dicadangkan terdiri daripada individu terpilih yang mewakili berbagai sektor yang ada hubungan dengan industri teknologi maklumat tempatan.

Puan Rohani binti Abd. Karim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat menyenaraikan Jabatan-jabatan Kerajaan atau semi-Government yang telah menggunakan atau menukarkan sistem urusan harian mereka kepada sistem pengkomputeran? Bagaimanakah caranya Jabatan-jabatan ini memohon untuk menukar daripada sistem biasa kepada sistem pengkomputeran dan bagaimana pula caranya hendak meng"interlink"kan data-data daripada Jabatan-jabatan ini yang boleh digunakan bersama?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, memang telah pun terdapat beberapa Jabatan Kerajaan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Hasil Dalam Negeri, Jabatan Polis serta beberapa badan Kerajaan seperti universiti-universiti yang ada telah pun menjalankan sistem pengkomputeran mereka dengan begitu berjaya dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan kecekapan Kerajaan di dalam soal penambahan hasil dan sebagainya.

Mengenai soal yang kedua, memanglah menjadi satu perkara yang sedang

dikaji bagi menghubungkan semua Jabatan-jabatan ini dan ada juga disebut sebagai satu sistem terbuka di mana semua Jabatan akan dihubungkan yang boleh diberikan, misalnya, JPJ boleh menghantar maklumat ke mana-mana Pejabat Pos untuk menerima maklumat. Ini sedang dikaji dan akan dijalankan, insya Allah. Perkara ini memerlukan suatu kajian dan pihak MIMOS mengkaji setiap permohonan sama ada ianya boleh diluluskan atau tidak. Walau bagaimanapun, untuk maklumat Yang Berhormat, pada tahun 1992 sahaja, sebanyak 90 buah agensi Kerajaan telah pun diluluskan peruntukan sebanyak RM197.83 juta – senarainya panjang – bagi mengkomputerisekan Jabatan masing-masing.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam menerima dasar dan perkara-perkara yang canggih dan baru, kadang-kadang adakalanya kita dapati bahawa ada orang tidak boleh menerima. Jadi, dasar boleh dirancang, bagaimana penerimaan Kerajaan dari segi penyelenggaraan untuk menggunakan kemudahan-kemudahan pengkomputeran di pejabat-pejabat Kerajaan. Kalau kita pandang, ini berlatarbelakangkan semua teknologi canggih yang berasal dari Germany, Britain dan Amerika, tetapi pihak Jepun yang menggunakan untuk commercialize dan menggunakan perkara itu dengan seberapa banyak yang boleh dan begitulah sebabnya Jepun lebih maju dari negeri-negeri yang saya sebutkan tadi.

Yang kedua, bilakah pihak Kerajaan akan menyelaraskan apa yang dikatakan kaedah penyertaan untuk pengkomputeran negara agar perkara ini tidak dibuat secara *ad-hoc* dan pihak pentadbiran, umpamanya, memberi kerjasama

berlandaskan dasar yang dibuat oleh pihak Kementerian. Ini pernah saya sebutkan pada tahun 1991 yang mengatakan, kadang-kadang komputer dihantar ke pejabat, tetapi operatornya tidak ada. Jadi, orang kata, JPA yang tak beri.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, memang soal penyelenggaraan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu tidak timbul, kerana memang Kerajaan mengkaji persoalan untuk meningkatkan urusan pengkomputeran negara ini. Cuma, daripada satu sistem ke sistem yang lebih canggih, misalnya, sekarang ini, Kerajaan mengkaji dan menilai proses yang disebutkan, multi-user, dengan izin, yang lebih kecil, tetapi keupayaannya lebih tinggi yang boleh dipergunakan oleh berbagai-bagai Jabatan.

Jadi, kajiannya, bagaimana hendak mempertingkatkan penggunaannya dengan lebih baik, itu dikaji. Soal penyelenggaraan itu, insya Allah, saya sudah sebutkan tadi, bahawa termasuklah soal pendidikan untuk memberi maklumat komputer dan juga orang yang akan mengendalikan komputer itu.

Yang keduanya, saya juga hendak menyatakan bahawa kita tidak menjalankan disk program untuk mengkomputerisekan Jabatan-jabatan Kerajaan ini secara *ad-hoc* kerana arahan ini pun telah dikeluarkan, seperti yang saya sebutkan dalam jawapan saya tadi, dalam tahun 1985, iaitu dengan keluarnya Pekeliling Kerajaan, 1/85 yang memberikan garis panduan bagaimana Kerajaan hendak mempertingkatkan penggunaan dan keupayaan memodenkan urusan pentadbiran negara dengan membekalkan komputer ini. Cuma, sebuah agensi Kerajaan iaitu MIMOS,

adalah menjadi satu agensi pusat yang akan menilai pusat yang akan menilai semua permohonan-permohonan daripada Jabatan Kerajaan yang berhajat untuk mengkomputerisekan Jabatan masing-masing.

**KESEDAR—LANTIKAN WAKIL
KERAJAAN NEGERI**

8. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan sehingga kini, kenapakah tiga wakil Kerajaan Negeri Kelantan masih tidak dilantik untuk menduduki Lembaga Pengarah Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) dan bilakah akan dilantik.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Dato' Mohamed bin Jamrah]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang sama telah pun diberikan oleh Kementerian ini pada sesi Parlimen yang lalu, pada 18.5.1993 dan 2.8.1993, dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa maklumat tambahan.

Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama sekali, saya ingin tahu berapakah jenis hutang terhadap peneroka-peneroka KESEDAR dan adakah Kerajaan bercadang untuk memansuhkan hutang-hutang tersebut?

Yang kedua, berapakah luas tanah yang telah dimajukan oleh pihak KESEDAR seluruh Kelantan dan berapa bilangan peneroka dan bilakah akan diberi tanah-tanah yang dimajukan oleh pihak KESEDAR kerana setakat ini KESEDAR telah banyak mengaut keuntungan, tetapi belum diberi kepada peneroka.

Dato' Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak ada kena mengena dengan soalan asal.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baik. Yang Berhormat Tuan Geoffrey Yee Lung Fook.

[Soalan No. 9 – Y.B. Tuan Geoffrey Yee Lung Fook tidak hadir]

**MALAYSIA–THAILAND JOINT
AUTHORITY—PELAKSANAAN
PROJEK**

10. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan minta Perdana Menteri menyatakan tentang Joint Development Authority Malaysia–Thailand:—

- (a) apakah projek yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa tersebut; dan
- (b) adakah Jawatankuasa ini akan dibubarkan setelah North Growth Triangle memulakan tugas-tugasnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato' Arif bin Raja Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pihak Berkuasa Bersama Malaysia–Thailand (PBBMT) atau, dengan izin, Malaysia–Thailand Joint Authority (MTJA), adalah sebuah badan yang mempunyai kepentingan kedua-dua Kerajaan Malaysia dan Thailand dan ditubuhkan di bawah satu perjanjian di antara kedua negara serta Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia–Thailand 1990.

Seperti yang diperuntukkan di dalam perjanjian dan Akta tersebut, PBBMT ditubuhkan dengan tujuan menjalankan aktiviti ekonomi dan komersil, khususnya dalam usaha mencarigali dan meng-

eksploitasi sumber petroleum di kawasan pelantar benua yang bertindih kedua-dua buah negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PBBMT hanya mula berfungsi pada akhir tahun lepas setelah semua isu mendapat persetujuan kedua-dua Kerajaan, Malaysia dan Thailand dan anggota Lembaga Pengarah yang mewakili kedua negara dilantik.

Pada peringkat permulaan ini, tidak ada projek yang telah dilaksanakan kerana PBBMT masih lagi di dalam proses melantik kontraktor perkongsian pengeluaran. Hanya setelah kontrak perkongsian pengeluaran ditandatangani, iaitu dijangka pada akhir tahun 1993, usaha mencarigali sumber petroleum di kawasan tersebut akan bermula.

- (b) Seperti yang telah dinyatakan, PBBMT adalah badan usahasama di antara Kerajaan Malaysia dan Thailand sahaja melalui satu perjanjian dan sebuah Akta yang khusus. PBBMT tidak melibatkan ketiga-tiga negara yang menganggotai usahasama, dengan izin, Northern Growth Triangle. Seperti yang termaktub di dalam perjanjian di antara kedua-dua negara, PBBMT hanya akan dibubarkan apabila persetujuan dicapai di antara Malaysia dan Thailand mengenai isu persempadanan bagi kawasan tersebut.

BUDAYA LEPAK—LIPUTAN OLEH AKHBAR/TV

11. Dato' Haji Mohd. Zibin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada sedar atau tidak bahawa budaya lepak ini telah didramatisasikan begitu besar di akhbar-

akhbar dan kaca TV. Kalau sedar, apakah langkah-langkah yang diambil supaya tidak didramatisasikan dan tindakan-tindakan berkesan supaya budaya lepak ini dihapuskan sama sekali. Sila beritahu program-program jangka panjang dalam usaha menghapuskan budaya lepak ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Ismail bin Said]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan memang sedar, bahkan budaya lepak ini sengaja didramatisasikan, bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang bahaya budaya lepak, kerana apa yang kita dapati, budaya lepak yang wujud di kalangan remaja dewasa ini bukan sahaja lepak fizikal, tetapi juga lepak minda yang boleh memberi kesan yang negatif terhadap perkembangan belia.

Kita tidak mahu golongan remaja kita menjadi pengikut kepada orang lain kerana kelemahan minda mereka. Atas kesedaran inilah, kita telah menghubungi pihak akhbar dan televisyen supaya mengadakan program-program dan rencana-rencana mengenai bahaya budaya lepak ini. Untuk itu, Kementerian Belia dan Sukan ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak akhbar dan televisyen kerana turut memainkan peranan masing-masing di dalam menangani masalah ini.

Berbagai program telah sedia dijalankan ke arah mengelakkan daripada berlakunya budaya lepak ini. Umpamanya, program-program yang mengalakkan belia-belie untuk berpersatuan; program-program sukan dan rekreasi; anugerah Remaja Perdana; kursus-kursus jangka pendek dan jangka panjang; dan lain-lain adalah merupakan aktiviti-aktiviti untuk memenuhkan masa lapang golongan belia.

Semenjak isu budaya lepak ini ketengahkan, program-program ini ditambahkan lagi untuk memberi kesan yang lebih mantap ke arah membanteraskan budaya lepak. Antara program yang dimaksudkan ialah:

- (i) satu kajian budaya lepak telah pun diadakan dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia. Hasil kajian ini telah diterima dan kita sedang membuat penilaian secara terperinci mengenainya. Satu perbincangan akan diadakan tidak beberapa lama lagi, di mana hasil kajian akan dijadikan landasan untuk merancang program-program seterusnya;
- (ii) mengadakan pelancaran kempen anti-budaya lepak yang telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Belia dan Sukan pada 23 Oktober 1993, bertempat di Sungei Wang Plaza, Kuala Lumpur;
- (iii) menubuhkan Pusat Komunikasi Belia di bandar-bandar besar;
- (iv) menambahkan aktiviti-aktiviti rekreasi dan pengembaraan seperti berkeno, berkayak, berbasikal, bermotosikal, berkhemah, dan sebagainya;
- (v) aktiviti-aktiviti Bakat seperti latihan seni suara, tarian, muzik, seni lukis, seni lakon dan penulisan;
- (vi) aktiviti-aktiviti kecergasan seperti senamrobik, seni mempertahankan diri dan aktiviti-aktiviti sukan yang lain;
- (vii) aktiviti-aktiviti kepimpinan seperti kursus-kursus kemimpi-

nan, kursus motivasi dan kursus pengurusan kemimpinan;

- (viii) aktiviti-aktiviti kemahiran seperti kemahiran vokasional dan sebagainya; dan
- (ix) aktiviti-aktiviti keusahawanan seperti kursus-kursus menggalakkan perniagaan.

Rancangan di televisyen, iaitu menyiarkan rancangan-rancangan yang positif berkaitan dengan aktiviti golongan remaja juga turut diadakan. Kementerian ini juga menjalankan berbagai aktiviti dengan kerjasama daripada lain-lain Kementerian, Jabatan dan juga agensi Kerajaan seperti NADI di Kuala Lumpur, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Penerangan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, budaya lepak adalah lepak merebak luas seiring dengan pertumbuhan begitu banyak pasaraya (supermarket) iaitu di setiap bandar-bandar besar di negara ini. Apa jua program yang disebutkan tadi, dilihat tidak membawa apa-apa kesan. Malahan budaya lepak bukan sahaja berleluasa di kalangan pemuda malahan di kalangan orang-orang tua suka pergi melepak di pasaraya kerana pasaraya sekarang canggih. Macam-macam ada. Duduk di sana ada air-conditioner. tidak perlu pergi ke taman-taman lain. Jadi saya ingin tahu apakah tindakan Kementerian Belia dan Sukan untuk mengatasi masalah budaya lepak sama ada orang muda atau orang tua yang begitu menjadi-jadi di supermarket itu untuk mengelakkan budaya lepak semakin terus berlarutan?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru tadi. Kompleks membeli-belah ada tarikan-tarikan yang tertentu yang istimewa dan boleh memberi dorongan kepada setengah golongan supaya berlelak di sana. Sebab itulah saya katakan tadi, kita telah pun mengadakan kajian di kompleks-kompleks membeli-belah ini. Untuk maklumat Yang Berhormat, kita telah pun dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia, mengadakan kajian pada 25hb hingga 29hb September yang lalu di kompleks-kompleks membeli-belah di Sungai Wang Plaza, Bukit Bintang, Kompleks Lot 10, Kompleks Pertama dan juga Dataran Merdeka dan juga Pasar Budaya. Jadi, kita telah pun mendapat penemuan tentang kajian ini dan insya Allah, apabila kita mengadakan perbincangan tidak berapa lama lagi, kita akan menerangkan program-program yang sesuai sungguhpun apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, setakat ini program-program yang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan tidak berkesan tetapi mengikut maklumat yang kita dapat daripada orang yang bertanggungjawab menjalankan program ini, adalah sungguh berkesan.

Ramai di antara belia-belie dan remaja kita telah pun mula datang di Kementerian kita dan juga di pusat-pusat komunikasi belia-belie bandar yang diwujudkan oleh Kementerian Belia dan Sukan, bertanya apakah program-program biasa yang dijalankan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan supaya mereka ini dapat menyertai sama. Jadi, saya ingin menjemput Yang Berhormat dari Bayan Baru, tolonglah datang lihat dan jenguk sedikit ke pusat-pusat komunikasi belia bandar yang

diwujudkan oleh Kementerian Belia dan Sukan supaya dapat mengetahui tentang kemajuan yang sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Padang Terap, ada masa satu minit.

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyebut ada dua macam lepak iaitu lepak fizikal dan lepak minda. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimana kita ketahui, kaedah apa yang digunakan untuk memastikan wujudnya lepak minda itu?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa budaya lepak ini bukan sahaja wujud di kalangan belia malah ianya diwujudkan di kalangan orang-orang dewasa iaitu di coffee-house, bar [*Tepuk*] dan juga yang wujud di dalam budaya kita iaitu budaya bertandang. Malam-malam bertandang ke rumah itu. Apakah itu merupakan ciri-ciri budaya lepak yang sekarang ini kita hanya tujukan kepada belia dan beliawanis sahaja?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, mengikut penemuan awal kajian yang dibuat oleh Universiti Kebangsaan Malaysia, kita telah pun menjalankan 4 bentuk soal-selidik. Jadi, daripada soal-selidik itu, kita telah menggunakan format tertentu yang kita panggil 'format linkage'. Yang Berhormat telah pun mengetahui 'format linkage' ini melalui temu-bual, pemerhatian dan juga analisa data. Jadi, hasil daripada temu-bual, persoalan dan sebagainya, kita dapati bahawa jawapan-jawapan yang diberi oleh pihak respondents yang terlibat, seramai 368 orang kesemuanya, kita dapat analisa bahawa pemikiran mereka ini juga turut lepak. Cara pemikiran mereka ini negatif.

Demikian juga kalau tengok dari segi keadaan tubuh badan dan kecergasan mereka tidaklah seaktif – sebab itulah kita panggil “lepak fizikal” yang boleh menjejaskan juga minda itu sendiri.

Soalan yang kedua, masalah bertandang juga misalnya, baru-baru ini ramai di antara pemimpin UMNO kita berlepak di coffee-house. [Ketawa] Mereka ini berlepak ada tujuan. Mereka berlepak kerana untuk menentukan kepimpinan negara. [Ketawa] [Tepuk] Tetapi yang menjadi masalah kepada kita ialah lepak yang tidak ada tujuan, tidak ada nawaitu yang tertentu. Ini yang menjadi masalah kepada Kerajaan. Sebab apabila tidak ada tujuan yang tertentu, kita takut mereka ini akan dipengaruhi oleh anasir-anasir yang negatif. misalnya.....

Beberapa Ahli: DAP! DAP!
[Ketawa]

Dato' Ismail bin Said: Misalnya perdagangan dadah dan juga mungkin akan dipengaruhi oleh parti-parti Pembangkang [Ketawa] misalnya supaya mereka ini menceburi diri dalam kegiatan yang menentang Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab-Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab-Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 9 dan No. 12 hingga 31 adalah dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1994

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1994

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Rang Undang-undang Perbekalan 1994 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM13,850,004.080 (Ringgit Malaysia tiga belas bilion, lapan ratus lima puluh juta, empat ribu dan lapan puluh) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1994 dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1994 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31

Tahun 1993, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". [*Ihb. November, 1993*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Serian diminta sambung. Ada 14 minit lagi.

3.37 ptg.

Tuan Richard Riot Anak Jaem [Serian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana telah memberi peruntukan sebanyak lebih daripada RM60 juta bagi pembinaan jalan utama Serian/Tebedu/Sempadan Indonesia yang mana kerja-kerja pembinaannya sedang berjalan dengan rancak sejak 7 bulan yang lalu. Saya berharap agar projek ini akan siap mengikut jadual iaitu pada penghujung tahun 1995.

Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada Kerajaan di atas sumbangan yang sebegitu besar itu. Saya juga berharap agar Kerajaan Pusat dapat mempertimbangkan untuk menurap atau mengasfalkan jalan-jalan seperti berikut:

- (i) Jalan Baki-Riih;
- (ii) Jalan Tebakang-Mongkos;

(iii) Jalan Koran-Kerait; dan

(iv) Jalan Treboh-Gedung.

Dari jalan raya, saya beralih kepada bekalan air dan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, Buku Biru – Rancangan Malaysia Keenam 1991–1995 jelas melaporkan bahawa peratusan (percentage) penduduk-penduduk di luar bandar, di negeri Sarawak yang sudah menikmati air bersih adalah hanya 47%. Ini bermakna 53% dari mereka masih meminum air yang tidak bersih, air dari gunung, telaga dan sungai.

Dari segi bekalan elektrik pula, 52% dari penduduk-penduduk luar bandar di negeri Sarawak yang sudah menikmati kemudahan elektrik. Ini jauh berbeza kalau dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia di mana 90% penduduk-penduduk luar bandarnya sudah pun menikmati bekalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya Serian, yang mana lebih daripada 80% penduduk-penduduknya adalah penduduk luar bandar, orang kampung, orang yang tinggal di desa, keadaan sebegini amat ketara. Ramai penduduk yang masih minum air dari gunung, sungai dan telaga – air yang tidak bersih dan tidak tertapis. Ramai juga yang masih menggunakan pelita dan lampu gas.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi satu contoh yang agak ketara.

iaitu keadaan di mana sebuah pekan yang mempunyai sebuah sekolah rendah penuh, sebuah klinik desa dan sebuah kem tentera tetapi tidak mempunyai kemudahan bekalan elektrik dan air. Pekan yang saya maksudkan ini ialah Pekan Balai Ringin.

Tuan Yang di-Pertua, Pekan Balai Ringin adalah sebuah pekan yang terletak di tepi jalan utama Kuching/Sri Aman dan hanya 58 batu dari kota negeri Sarawak, dari bandaraya Kuching. Memang susah untuk mempercayai bahawa sebuah pekan yang hanya 58 batu dari bandaraya Kuching yang terletak di tepi jalan Kuching/Sri Aman, sebuah pekan yang lengkap dengan sebuah sekolah menengah, sekolah rendah, klinik dan kem tentera tetapi masih tidak mempunyai bekalan api dan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi keadaan ini berlaku di Pekan Balai Ringin. Oleh yang demikian, saya sekali lagi memohon kepada Kerajaan supaya memberi perhatian yang khusus dan perhatian yang lebih kepada negeri Sarawak amnya dan kepada kawasan saya Serian khususnya semasa melaksanakan projek-projek di bawah Belanjawan negara 1994 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih ke sektor pendidikan. Saya tertarik dan menyokong penuh peruntukan sebanyak RM7.715 bilion untuk Kementerian Pendidikan bagi tahun 1994 berbanding dengan RM7.312 bilion bagi Belanjawan 1993 iaitu pertambahan sebanyak RM0.403 bilion. Peruntukan sebanyak RM7.715 bilion ini untuk Kementerian Pendidikan menunjukkan bahawa Kerajaan amat peka terhadap bidang pendidikan sesuai dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang

berilmu dan maju menjelang 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah dibuka dengan rasminya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada 31hb Ogos, lebih dua bulan yang lalu dan pengambilan pertama bagi pelajar-pelajar telah pun dibuat lebih sebulan yang lalu. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Pusat kerana telah meluluskan penubuhan universiti penuh di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sebuah universiti penuh, UNIMAS, telah pun didirikan di negeri Sarawak dan pengambilan pertama bagi pelajar-pelajarnya telah pun dibuat sebulan yang lalu. Di sini saya memohon dan meminta supaya pihak Universiti semasa membuat pengambilan para pelajar di tahun-tahun akan datang supaya memberi keutamaan kepada anak-anak tempatan atau anak-anak Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Nazir Sekolah. Saya telah terbaca di dalam surat khabar iaitu satu berita yang menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan bercadang untuk memansuhkan jawatan Nazir Sekolah. Saya berharap berita ini tidak benar, kerana saya benar-benar berpendapat bahawa jawatan Nazir Sekolah adalah satu jawatan yang begitu penting dan mustahak, satu jawatan yang amat-amat diperlukan. Saya berharap jawatan ini tidak dihapuskan, tetapi dikekalkan.

Dari soal Nazir Sekolah, saya beralih kepada soal guru Gred B1. Tuan Yang di-Pertua, saya telah difahamkan bahawa seramai 894 orang guru Gred B1 dan lebih 100 guru besar Khas Untuk

Penyandang (KUP) di seluruh negeri Sarawak belum lagi diserapkan ke Skim Saraan Baru (SSB). Saya juga telah difahamkan bahawa sebelum mereka ini boleh diserapkan ke Skim Saraan Baru (SSB) ini, mereka dikehendaki mengikuti Kursus Peningkatan atau Kursus Khas selama 3 bulan dan seterusnya mengikuti Kursus Induksi selama 5 bulan. Inilah syarat yang ditetapkan terhadap guru-guru Skel B1 ini sebelum mereka boleh diserapkan ke Sistem Saraan Baru di bawah Skel DG6.

Saya berpendapat kursus-kursus ini tidak perlu kerana sepertimana yang saya telah fahamkan kebanyakan atau tidak kesemua guru-guru gred B1 ini yang terlibat adalah orang lama, orang yang telah berkhidmat berpuluh-puluh tahun dan tidak berapa lama lagi akan bersara. Dengan izin, "most of these teachers have only a few more years to serve before they retire. To me, sending these teachers, who only have a few more years to serve before they retire, to undergo courses is a total waste of public funds." kerana menganjurkan suatu kursus seperti ini bukanlah perkara yang mudah dan bukan perkara yang mudah.

Saya telah difahamkan bahawa untuk menganjurkan Kursus Peningkatan selama 3 bulan ini, sebagai contoh untuk 140 orang guru seperti yang diadakan di Kuching sekarang, Kementerian Pendidikan membelanjakan wang sebanyak RM1.02 juta. Jadi, oleh itu, saya mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan supaya mengkaji semula adakah kursus ini benar-benar perlu? Adakah kursus ini benar-benar memanfaatkan memandangkan kebanyakan mereka yang disyaratkan mengikutinya hanya mempunyai beberapa tahun lagi untuk berkhidmat.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih ke sektor keselamatan. Saya menyokong

peruntukan sejumlah RM440 juta untuk sektor keselamatan bagi tujuan pembangunan yang antara lain adalah untuk meneruskan pembinaan dan pembaikan pejabat dan balai polis dan pagar keselamatan sempadan.

Tuan Yang di-Pertua, dari 2.11.1991 hingga 30.6.1992 dalam tempoh 7 bulan itu, tiga kes rompakan dan pembunuhan telah berlaku di daerah saya, Serian. Pembunuhan-pembunuhan yang saya maksudkan ialah:-

- (i) pembunuhan yang berlaku pada 2.11.1991;
- (ii) pembunuhan yang berlaku pada 26.3.1992; dan
- (iii) pembunuhan yang berlaku pada 30.6.1992.

Ketiga-tiga pembunuhan ini telah pun saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini pada sesi yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, selepas ketiga-tiga pembunuhan itu, untuk beberapa bulan, rakyat di kawasan saya, lebih-lebih lagi yang tinggal di kawasan terpencil di pedalaman telah hidup di dalam ketakutan sehingga ramai yang takut pergi ke ladang, ke huma dan ke kebun untuk mencari nafkah. Tetapi, alhamdulillah, keadaan sekarang telah pun pulih seperti sediakala. Ini adalah hasil tindakan yang diambil oleh pasukan polis kita, polis di Serian, di pekan kecil Tebedu, Tebakang, Balai Ringin dan Bunan yang tanpa mengenal penat dan lelah, tanpa menghirau hujan panas telah antara lain mengadakan sekatan-sekatan jalan, rondaan-rondaan termasuk rondaan ke kawasan-kawasan terpencil.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada anggota polis kita

khususnya yang bertugas di Serian, di Pekan Kecil Tebedu, Tebakang, Balai Ringin dan Bunan di atas peranan yang telah mereka mainkan bagi memelihara dan menjamin keselamatan di kawasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, walau pun keselamatan di kawasan saya terkawal, saya fikir ia perlu ditingkatkan lagi kerana dengan terbukanya Kompleks Imigresen Tebedu iaitu pintu keluar-masuk antarabangsa melalui darat Sarawak-Indonesia, kira-kira 3 tahun yang lalu bilangan orang yang berkunjung ke kawasan saya telah, sedang dan akan berlipat berkali-kali ganda. Ini sudah tentu boleh juga membawa kepada masalah sosial seperti jenayah.

Antara langkah yang boleh diambil untuk meningkatkan lagi keselamatan di daerah saya ialah:-

- (i) mendirikan pagar keselamatan sempadan di sempadan kita dengan Indonesia, dengan izin, "within at least a 10-mile radius from the Tebedu Immigration point."
- (ii) menubuhkan pasukan-pasukan rela di kampung-kampung terpencil dekat sempadan kita dengan Indonesia seperti di Kampung Entebuh, Kampung Mongkos, Kampung Bunan Gega dan Kampung Nibong.
- (iii) Menambahkan anggota-anggota polis di pekan kecil Tebedu, Tebakang, Balai Ringin dan Bunan Gega.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya beralih kepada sektor pertanian.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Richard Riot Anak Jaem: Oh! Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya hanya ingin tahu perkembangan terakhir tentang ketiga-tiga kes pembunuhan yang berlaku yang saya sebutkan tadi, kerana seperti yang saya telah fahamkan ketiga-tiga kes pembunuhan ini sampai sekarang belum lagi diselesaikan. Dengan itu, saya menyokong Belanjawan 1994, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Kangar.

3.50 ptg.

Tuan Haji Ishak bin Arshad [Kangar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana turut sama diberi peluang untuk membahaskan ucapan Belanjawan 1994, yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 29.10.1993 yang lalu.

Sesungguhnya pengurusan kewangan yang cermat dan berhemat, kecekapan merangka perbelanjaan dan percukaian negara, seperti mana yang dipersembahkan melalui 'Belanjawan berimbang' ini adalah jelas memperlihatkan tentang masa depan yang cerah, yang akan dinikmati oleh rakyat tanpa mengira kaum dan keturunan terutama ke arah pencapaian Wawasan 2020 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang masih kurang jelas pada pandangan saya, ialah dari sikap segolongan pemimpin politik tertentu yang mempertikaikan tentang hak dan

kebebasan, lebih-lebih lagi dalam aspek visi demokrasi dan hak-hak asasi.

Tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepada Kerajaan ialah kononnya Kerajaan mengawal dengan tegas kebebasan akhbar atau media-massa yang lain, dan tidak memberi ruang kepada penentang Kerajaan untuk mempergunakan hak asasi dan kebebasan demokrasi seperti yang termaktub dalam Perlembagaan. Masih ramai daripada mereka menjadikan Barat sebagai contoh tentang betapa pengakuan hak-hak tersebut diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh bercakap dari segi hak dan kebebasan, oleh kerana kita telah dikurniakan dengan satu kehidupan bermasyarakat yang aman dan damai. Sesungguhnya keamanan dan kedamaian ini bukanlah suatu perkara yang datang sendiri, tetapi merupakan suatu usaha bersungguh-sungguh melalui perancangan, pelaksanaan dan jaminan ke arah tersebut. Jaminan ini adalah merupakan suatu bayaran yang amat mahal, oleh kerana sebahagian daripada kita mungkin telah terpaksa mengorbankan harta-benda, malahan jiwa untuk mempertahankannya. Ini disebabkan oleh kerana sebahagian daripada kita, sejak dari dahulu hingga sekarang tidak berhenti-henti dan berhati-hati atas nama hak dan kebebasan serta dakwaan demokrasi mempergunakannya dengan sewenang-wenangnya.

Tragedi Mei, 1969 adalah manifestasi kepada tuntutan kebebasan yang tidak terbatas, di samping kegagalan kawalan hak pendemokrasian oleh pemerintah.

Tuan Yang di-Pertua, kita hidup dalam masyarakat berbilang bangsa, berbilang keturunan dan agama. Sesungguhnya ikatan yang menggabungkan kesemuanya

adalah satu gabungan yang amat rapuh kalau tidak dijaga.

Kita amat bersyukur kerana sebagai ibu bapa kepada anak-anak kita, negara telah menyediakan satu ruang kehidupan yang terbaik untuk mereka teladani. Setiap pagi misalnya, kita akan menghantar anak-anak kita ke muka pintu rumah atau terus menghantar mereka ke sekolah. Kita tidak pernah merasa bimbang bahawa anak-anak kita ini, setelah hilang dari pandangan kita, mereka tidak akan kembali kepada kita semula.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa kita memikirkan langsung tentang bahaya perkauman yang melonjak-lonjak atau sikap fanatik keagamaan yang amat melampau, sedangkan kita disekelilingi oleh semua keadaan tersebut atau bimbang kepada ancaman keselamatan, pembunuhan dan sebagainya. Kita hanya berpesan supaya anak-anak kita bercermat di jalan raya. Di sekolah pula mereka akan bergaul di bawah satu bumbung dengan rakan-rakan yang berbeza. Tidak ada diskriminasi oleh guru atau pihak sekolah, hanya oleh kerana mereka dari kaum yang berbeza atau agama yang berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai bekas pendidik, saya amat percaya semua yang kita miliki ini akan hancur dan binasa, jika hak dan kebebasan kita, kita kembalikan kesemuanya kepada individu, dengan tidak memikirkan tentang kebenarannya, semua pihak akan cuba mencari kebenaran.

Media-massa akan dipenuhi dengan berbagai-bagai berita tentang kononnya penyalahgunaan kuasa, rasuah dan berbagai-bagai lagi. Bermula dengan berita-berita dari pegawai-pegawai

Kerajaan di kampung-kampung sehingga kepada pemimpin-pemimpin tertinggi Kerajaan. Tentulah pula pihak akhbar atau media-massa yang lain akan menggunakan hak-hak mereka juga sehinggakan berita tersebut menjadi amat sensitif dengan tujuan untuk melariskannya.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pula dengan rakyat jelata yang rata-rata peka kepada keadaan yang demikian, sehinggalah kebenaran terbukti. Saya percaya kita akan dihadang dengan suasana yang penuh dengan ketegangan, prasangka dan sensitif pada setiap masa oleh media-massa kita. Kadang-kadang di Dewan yang mulia inipun sebahagian dari kita kononnya atas nama hak dan kebebasan telah melupakan sifat-sifat rasional, toleransi bahkan kadang-kadang mengenyahkan langsung aturan dan peraturan dalam usaha menegakkan hak dan kebenaran masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, atas nama hak dan kebebasan seperti apa yang kita ada di Dewan ini, walaupun setengah daripada kita masih mempertikaikannya, jika ianya dituntut oleh rakyat di luar daripada Dewan ini termasuk media-massa, saya amat percaya tidak lain yang akan berdepan dengan kita melainkan pertumpahan darah. Pada ketika itu sebahagian daripada kita termasuk kawan-kawan saya daripada parti Pembangkang tentulah mahu supaya kebebasan itu dikawal. Ini adalah satu perkara yang amat aneh, kerana di samping kita berharap dan mempertanggungjawabkan kepada Kerajaan untuk mewujudkan keamanan, keselamatan dan harmoni dalam negara termasuk dengan cara mengawal kebebasan. Pada masa yang sama, kita mahu kebebasan kita diperluaskan seluas-luasnya, kebebasan orang lain dikawal

atas alasan keamanan dan kedamaian manakala kebebasan kita sendiri diperluaskan seluas-luasnya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, saya mahu Kerajaan terus mengawasi dan mengawali hak dan kebebasan, walaupun itu didakwa kononnya ianya bercanggah dengan asas demokrasi dan kebebasan individu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan, demi kepentingan negara keseluruhannya dan kehidupan rakyat berbilang kaum khasnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang tidak pernah terlupa untuk saya memberi penumpuan setiap kali pembentangan Belanjawan dibuat ialah meneliti ke arah penumpuan kepada pembasmian kemiskinan.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana penumpuan dan prihatinnya terhadap agenda yang besar ini. Sejak beliau mempersembahkan Belanjawannya lebih-lebih lagi pendekatan baru yang diperkenalkan dalam Belanjawan ini ke arah semangat berdikari, daya-usaha dan keusahawanan.

Saya pernah mencadangkan suatu masa dahulu supaya takrif atau taraf rakyat miskin disemak semula. Ini tidak dapat tidak kerana pertambahan taraf hidup dan kos hidup yang meningkat. Suatu jumlah pendapatan isi keluarga yang munasabah perlu ditentukan supaya takrif kemiskinan melambangkan kedudukan sebenar ahli masyarakat yang tidak bernasib baik ini.

Saya juga telah melihat tentang bagaimana sebahagian daripada orang-

orang yang dianggap miskin merupakan mereka yang masih mampu dan berupaya untuk bekerja. Sebab itulah pendekatan yang dibuat dalam Belanjawan ini terhadap 14% kumpulan sasar ini akan membuahkean kejayaan supaya sebahagian daripada mereka ialah orang-orang yang tidak bergantung hidup atas bantuan Kerajaan, tetapi mereka yang bekerja dengan bantuan Kerajaan.

Saya mencadangkan supaya Yayasan Kemiskinan yang ditubuhkan atas inisiatif Kerajaan-kerajaan di negeri-negeri tertentu diperluaskan kepada semua negeri-negeri terlibat. Dengan ini masalah kemiskinan di tempat yang berkenaan akan dapat diberi penumpuan yang khusus dan terancang di samping lebih menyeluruh lagi.

Dalam Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) ini, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan khasnya pihak Kementerian yang telah berjaya melaksanakan bantuan perumahan, pendidikan dan sebagainya pada golongan sasar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah meneliti tentang kedudukan asrama-asrama desa atau asrama-asrama sekolah di kawasan-kawasan luar bandar. Kedudukan pengurusan dan pentadbirannya mestilah diberikan pengawasan yang rapi dari masa ke semasa supaya tidak diabaikan kedudukannya. Seharusnya penubuhan asrama-asrama desa atau asrama-asrama sekolah di kawasan-kawasan luar bandar yang mendapat peruntukan RM315.7 juta dalam Belanjawan ini diberi satu pendekatan baru.

Sebagaimana yang kita sedia ketahui kehidupan berasrama seharusnya merupakan satu bentuk kehidupan yang

memperdedahkan ciri-ciri dan nilai penghidupan yang berdisiplin, pembelajaran yang tersusun dan kaedah pergaulan yang terancang, yang merupakan asas kunci kejayaan kepada kehidupan seseorang.

Saya suka mencadangkan konsep asrama desa diperluaskan kepada semua sekolah di luar bandar, di mana penempatannya tidak terbatas kepada golongan yang memerlukan tetapi juga kepada semua pelajar bagi kelas peperiksaan. Ini adalah salah satu cara bagi menentukan murid-murid di luar-luar bandar akan terus mengekalkan prestasi dan pencapaian cemerlang dalam pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, suatu perkara yang patut saya sentuh bersama dalam ucapan ini ialah tentang pembangunan dan kemudahan sukan di luar-luar bandar. Tidak dapat dinafikan bahawa negara telah berjaya melahirkan ramai tokoh-tokoh atlit yang dikagumi. Kemuncak kejayaan kita pada kali ini ialah apabila kita diberi kepercayaan menjadi tuan rumah Sukan Komanwel akan datang. Rakyat amat berharap agar dalam sukan yang besar ini kita tidak akan menjadi penonton sahaja tetapi juga sekurang-kurangnya akan meraih beberapa buah pingat tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, saya telah melihat tentang bagaimana kemudahan-kemudahan sukan di luar bandar masih berada di tahap yang patut dibangunkan lagi. Walaupun pihak Kementerian ada cadangan untuk membina kompleks sukan di daerah-daerah, tetapi sebagai seorang Wakil Rakyat, saya telah dihujani dengan permohonan untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan sukan dari kampung-kampung oleh golongan-golongan remaja kita.

Suatu ketika dahulu, kemudahan-kemudahan seperti ini walaupun dalam kedudukan yang amat terbatas, telah dapat disediakan oleh sekolah-sekolah di luar-luar bandar tetapi hari ini sebahagian daripada sekolah-sekolah termasuk di kawasan-kawasan luar bandar mula menghadkan kemudahan-kemudahan yang ada hanya terbatas untuk pelajar-pelajar sahaja, tambahan pula aktiviti-aktiviti ko-kurikulum yang bertambah-tambah di samping faktor-faktor keselamatan sekolah. Golongan remaja lepasan sekolah sudah mendapati kegiatan bersukan sudah terbatas.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan, satu pendekatan dibuat di antara Kementerian yang terlibat bagi mencari penyelesaian masalah ini. Selain daripada membina kemudahan-kemudahan sukan di peringkat daerah, keperluan-keperluan bersukan di peringkat kawasan dan kampung mungkin dapat dipersediakan melalui peningkatan kemudahan-kemudahan sukan yang sedia ada di sekolah-sekolah di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin saya sentuh bersama dalam ucapan saya ini ialah tentang kedudukan Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Kita amat berbangga kerana Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah dapat menyediakan perhubungan yang canggih yang menyebabkan urusan-urusan Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan orang ramai menjadi lebih mudah dan segera. Tetapi satu perkara yang menghairankan saya ialah kesulitan-kesulitan yang telah ditempohi oleh orang ramai yang berhubung dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji terutama sekali dari segi soal pengeluaran wang simpanan.

Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah mempergunakan sistem komputer-nya di semua cawangan-cawangan di seluruh negara termasuk cawangan-cawangan di luar daripada negara yang telah menghubungkannya ke Ibu Pejabat. Yang menghairankan saya ialah mengapakah masih ada kesulitan-kesulitan tertentu dalam usaha orang ramai mengeluarkan wang simpanan di Tabung-tabung Haji? Misalnya, pelanggan-pelanggan yang cuba mengeluarkan wang-wang simpanan mereka yang melebihi daripada satu jumlah yang ditetapkan telah terpaksa menunggu hampir lebih daripada dua minggu untuk mengeluarkan wang simpanan mereka. Adakah aturan-aturan yang telah dipergunakan sejak zaman tidak berkomputer lagi masih dikekalkan sehingga sekarang oleh pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji?

Begitu juga saya merasa amat hairan terutama sekali apabila orang ramai yang berurusan dengan Tabung Haji merasa tidak berpuas hati kerana mereka hanya dibenarkan untuk mengeluarkan wang simpanan mereka sekali dalam masa enam bulan sedangkan ini adalah satu daripada aturan-aturan yang tidak munasabah. Sesungguhnya kemudahan-kemudahan pengeluaran seperti yang wujud di bank-bank patut diadakan di Lembaga Urusan dan Tabung Haji agar masyarakat Islam khususnya akan menjadikan Lembaga Urusan dan Tabung Haji sebagai tempat penting urusan kewangan mereka dan pada masa yang sama mereka berharap akan ke tanah suci bila sampai masanya nanti. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Bayan Baru.

4.05 ptg.

Tuan Ahmad bin Nor [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk saya membahaskan Belanjawan 1994. Belanjawan 1994 telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan dan berbagai pihak telah pun mengalu-alukan Belanjawan berkenaan. Seperti juga Belanjawan-belanjawan yang lalu sama ada baik ataupun buruk ia akan tetap diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, yang perlu dan penting untuk dilihat bukan hanya sekadar apa yang telah dibentangkan di atas kertas, tetapi ia perlu dilihat lebih jauh, lebih dalam daripada itu iaitu berhubung dengan pelaksanaan Belanjawan 1994 supaya ia tidak dibazirkan, ia tidak dibuang dengan secara tidak tentu hala, ia tidak dibelanjakan dengan cara yang boleh merugikan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Belanjawan tiap-tiap tahun dan tahun-tahun yang akan datang, untuk mencapai matlamat status negara maju, maka negara memerlukan seperti mana yang umum tahu, kita perlukan kepada kestabilan politik, kita perlu pekerja yang berproduktif dan yang berkualiti dan tidak kurang penting kita perlukan pentadbiran yang cekap, bersih dan adil.

Dalam soal ini kalau kita hendak menentukan bahawa negara sentiasa mempunyai kestabilan politik, maka kita perlu menunjukkan sikap yang lebih menghormati kepada sistem demokrasi berparlimen dan hak asasi rakyat negara ini. Saya tidak mahu menganggap seperti mana yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Kangar tadi bercakap tentang hak kebebasan yang sepenuhnya. Kita tidak bercakap mengenai kebebasan

mutlak ataupun demokrasi yang tidak menguntungkan negara, tetapi kita perlu menghormati apa yang perlu oleh rakyat di negara ini berhubung dengan kebebasan dan demokrasi dalam sistem demokrasi berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, politik seperti mana yang kita lihat yang telah dipamerkan oleh beberapa Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional baru-baru ini adalah amat dikesali sekali iaitu politik mengugut, politik menakut-nakutkan rakyat. Ini adalah satu perkara yang perlu dihapuskan. Bila ada sedikit percakapan yang agak kesat, maka rakyat diugut dengan kejadian peristiwa 13 Mei. Perkataan "barua" dibesar-besarkan dan ditafsirkan sebagai "pimp" ataupun "taukeh lombong" ataupun "ayam jantan". Bagi saya, makna "barua" adalah orang suruhan ataupun pak turut. Dan memang kita ada banyak orang-orang kita yang menjadi "barua" disebabkan mereka pak turut dan mahu menjadi orang-orang suruhan orang-orang tertentu.

Seorang Ahli: Seperti Bayan Baru.

Tuan Ahmad bin Nor: Apa Bayan Baru! Saya sanggup jadi 'barua' [Ketawa] kepada Melayukah, Cinakah, Indiakah atau kepada bangsa Malaysia. Tetapi saya tidak sanggup menjadi 'barua' seperti orang-orang UMNO. 'Barua' kepada Menteri Kewangan, 'barua' kepada Perdana Menteri – saya tidak sanggup.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Setiausaha Parlimen minta jalan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Berapa jenis 'barua' yang ada di dalam pengetahuan Yang Berhormat? Apakah kategori-kategori 'barua' itu, kalau-kalau dia adalah 'barua' yang tertinggi dan ada pula 'barua' yang terendah, kalau boleh dia terangkan sedikit.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, dalam istilah 'barua' tidak ada kategori yang baik, semuanya tak baik. Tetapi apa yang telah ditafsirkan oleh pihak Ahli-Ahli Parlimen dari UMNO, barua itu adalah 'pimp'. Kalau mereka menganggap diri mereka pimp, itu terpulang kepada mereka. Tetapi bagi diri saya, 'barua' seperti orang-orang utara selalu biasa berseloroh mengatakan 'awak barua', 'hang ni barua', itu perkara biasa. Tetapi kalau orang-orang UMNO hendak menjadi lebih sensitif, orang Jerai pun rasa sensitif, dia lupa di kampungnya bercakap hari-hari. Kalau dia berasa sensitif barua, barua itu sebagai pimp, mungkin itulah anggapan untuk dirinya.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya pun daripada Utara. Tetapi orang yang mengatakan 'barua' di Utara pun adalah orang yang martabatnya rendah. Jadi, kalau kita sebagai Ahli Dewan Rakyat, Ahli yang dipilih oleh rakyat, duduk di tempat yang tinggi menggunakan perkataan 'barua', bermakna martabatnya cukup rendah. Dan saya berasa amat kecewa kalau ada seorang Melayu yang duduk dalam DAP sanggup menyokong orang lain

mengatakan 'Melayu barua'. Mana ada maruah bangsa kita? Maruah bangsa Melayu di mana? Adakah bangsa Melayu bangsa terhina? Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, perkataan 'Melayu barua' yang baru-baru ini dihebohkan telah pun disalahtafsirkan oleh pihak-pihak yang cuba hendak mengeksploitasi perkataan ini. Sebenarnya 'Melayu barua' ini bukanlah ditujukan kepada orang-orang Melayu. Perkataan 'Melayu barua' ini, bagi saya, kalau ada Melayu yang hendak hidup atas bodek untuk hendak jadi orang suruhan, untuk hendak jadi 'pak turut' secara buta tuli, itulah 'Melayu barua'. Kalau Arau ingat dia begitu, dia Melayu barua – itu lagi, Parit Sulong tak ada di sini.

Tuan Haji Badruddin bin Haji Amiruddin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jerai bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya rasa masa saya sudah singkat. Tuan Yang di-Pertua, saya tak beri jalan, minta maaf.

Tuan Haji Badruddin bin Haji Amiruddin: Allah! Sekali sahaja.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya tak mahu bercakap, tetapi saya cuma hendak sentuh kerana perkara ini telah heboh dibincangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya lebih perlu menekankan perkara-perkara lain yang lebih penting, iaitu berhubung dengan apa yang saya sebutkan tadi. Yang kedua ialah pekerja produktif dan berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua akui bahawa pekerja di negara ini adalah antara sumber yang terpenting untuk kita membangunkan negara ini. Oleh yang demikian, apa jua nasib pekerja, ia mestilah seiring dengan pencapaian pembangunan negara ini. Taraf hidup pekerja maju apabila negara membangun. Jika sekiranya kaum pekerja tidak mendapat tempat yang sewajarnya dalam sebuah negara yang membangun, maka ia akan menjadi satu keadaan yang tidak begitu baik kepada negara.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, soal apabila negara untung, membangun, mendapat perolehan yang tinggi, kita juga perlu menawarkan ganjaran yang setimpal dengan pembangunan terhadap keperluan hidup kaum pekerja. Upah ataupun pendapatan hendaklah diberi dengan secara yang adil. Bukan sekadar untuk mereka terus hidup kerana negara perlu dengan perbelanjaan yang lain, sepertimana yang dibentangkan dalam Belanjawan 1994. Kerana setiap pekerja apabila dia memasuki dalam masyarakat pekerja, di suatu hari nanti akan mendirikan rumahtangga dan perlu memelihara keluarga. Dan di satu hari kelak, mereka perlu memiliki rumah serta lain-lain kemudahan. Maka untuk mencapai hasrat ini, pekerja perlu diberi satu pendapatan ataupun bayaran upah yang setimpal dengan cara hidup yang saya sebutkan tadi. Maka berdasarkan kepada apa yang saya sebutkan tadi, saya ingin mencadangkan supaya sistem bayaran upah sepertimana yang disebutkan di dalam Belanjawan hendaklah berdasarkan kepada produktiviti dan keuntungan, sama ada bagi sektor awam mahupun bagi sektor swasta dan ianya juga hendaklah berasaskan kepada kenaikan Keluaran Negara Kasar (KNK).

Untuk menentukan bahawa bayaran upah ataupun gaji yang dibayar oleh pihak majikan mahupun Kerajaan kepada pihak pekerja dengan lebih adil, maka Kerajaan perlulah menetapkan satu dasar bagi menyeragamkan kadar quantum dari perolehan majikan untuk bayaran upah ataupun gaji dan lain-lain faedah, termasuk bonus.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1994 juga telah mencadangkan bahawa Kerajaan akan membayar bonus kepada kakitangan awam bagi tahun 1993 sebanyak setengah bulan gaji ataupun sekurang-kurangnya RM400 sebulan gaji. Saya rasa kadar ini adalah satu kadar yang rendah, di mana kita lihat pertumbuhan ekonomi negara menjangkau lebih daripada 8% dan bayaran sebanyak setengah bulan bonus atau imbuhan dan minima sebanyak RM400 adalah satu kadar yang tidak sesuai. Disebabkan ini merupakan satu bayaran bonus atau imbuhan yang pertama, sejak lebih daripada 10 tahun yang lalu, dan dengan peningkatan pertumbuhan ekonomi yang begitu menggalakkan, saya rasa Kerajaan sepatutnya atau seharusnya membayar satu bulan bonus bagi tiap-tiap pekerja secara sama rata.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya Kerajaan merasa bahawa bayaran satu bulan bonus atau imbuhan itu secara tunai akan menyebabkan berbagai implikasi termasuk inflasi, saya rasa Kerajaan boleh mengambil tindakan untuk.....

Tuan Shahidan bin Kassim:
[*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat. Arau minta jalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak tolong, sebab Yang Berhormat bercakap teragak-agap. Menteri Kewangan dalam ucapannya telah dikomen oleh ahli dari Nilam Puri. Dia kata, ucapan Menteri Kewangan ini rhetoric. Kemudian Ahli dari Bukit Bintang, mengatakan Menteri Kewangan bohong. Jadi, Yang Berhormat dengan kawan-kawan DAP dan juga S46 percaya bahawa mereka tidak percaya yang pertumbuhan ekonomi itu 8%, dia kata rhetoric sahaja. Sekarang Yang Berhormat pula kata, pertumbuhan itu Yang Berhormat percaya. Adakah percakapan Yang Berhormat ini melanggar tatasusila DAP yang mana Yang Berhormat telah diperalatkan. Saya tak mahu kata 'barua', tetapi 'diperalatkan'.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya memegang apa yang telah dikatakan oleh Menteri Kewangan. Itu yang dikatakan oleh Menteri Kewangan. Belanjawan 1994 adalah Belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan. Jadi, apa yang disebutkan oleh Menteri Kewangan itulah...

Tuan Shahidan bin Kassim:
[Menyampuk]

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan dapat menyemak semula keputusan untuk menawarkan bonus ataupun imbuhan sebanyak setengah bulan dan minima RM400 itu. Ini boleh dibuat jika sekiranya Kerajaan tidak mampu ataupun enggan membayar secara satu bulan bayaran tunai sebagai bonus dan imbuhan. Maka saya cadangkan supaya Kerajaan menimbang untuk membuat bayaran setengah bulan secara tunai dan setengah bulan lagi dibayar melalui sijil-sijil saham amanah awam yang terdapat

di negara ini seperti ASB dan sebagainya. Kerajaan patut menimbang perkara ini supaya menggalakkan ramai pekerja-pekerja boleh berpeluang menabung dan ini akan membantu pekerja dan juga negara dari segi tabungan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu ialah berhubung dengan pentadbiran yang cekap, bersih dan adil. Perkara yang sekarang sedang hebat juga diperkatakan ialah berhubung dengan politik wang dan rasuah. Ini satu perkara yang telah diterima dan diakui oleh ahli-ahli UMNO sendiri yang telah membincangkan isu politik wang semasa persidangan perwakilan UMNO baru-baru ini. Politik wang dan rasuah sudah menyerang Barisan Nasional, khususnya UMNO dan Kerajaan Barisan Nasional. Jika sekiranya perkara ini tidak dibendung, satu hari nanti, negara akan menghadapi masalah yang lebih rumit.

Tuan Yang di-Pertua, kegagalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan untuk mengatasi masalah politik wang dan rasuah amat dikesal dan sedih sekali. Adalah aneh, jika kita lihat bahawa Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan telah meletakkan diri mereka di pihak yang mempertahankan diri (defensive) dalam soal politik wang dan rasuah. Biasanya kita mengharapkan pemimpin negara, seperti Perdana Menteri dan Menteri Kewangan untuk menyerang ataupun berjuang dengan habis-habisan untuk menghapuskan politik wang dan rasuah, tetapi sebaliknya, hari ini pihak Pembangkang dan juga rakyat yang berprihatin terhadap masalah rasuah dan politik wang yang berani bersuara secara lantang telah mendesak Kerajaan supaya menghapuskan politik wang dan rasuah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau politik wang dan rasuah ini berterusan, saya

ingin mengingatkan kepada pihak Barisan Nasional, khususnya UMNO bahawa suatu hari nanti, Barisan Nasional akan menghadapi ataupun ditimpa nasib yang sama seperti Liberal Democratic Party (LDP) dari Jepun, walaupun LDP telah memerintah Jepun hampir 4 dekad (38 tahun), negaranya membangun dan maju, namun rakyat tetap akan menentang dan membuang LDP kerana budaya politik wang dan rasuah telah menyerap ke dalam LDP.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, kita hendak jatuh atau hendak bangun, apa dia peduli kita punya fasal. Kalau kita jatuh, bagustah kepada dia, tetapi sekarang ini kalau kita hendak jatuh atau bangun, itu kita punya fasal – tidak perlu campur tangan. Yang menjadi masalahnya sekarang DAP hendak campur tangan hal rumahtangga kita, tetapi kita tidak ganggu mereka. Jadi, kalau kita hendak jatuh, it is well and good to them. Tetapi sekarang ini kita semakin bertambah kuat dan sekarang ini saya minta penjelasan kepada Yang Berhormat, apa dia politik wang dan apa dia rasuah? Yang Berhormat sebutkan satu persatu siapa yang terlibat dengan rasuah supaya kita boleh ambil tindakan.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, Arau jangan pura-pura tidak tahu, bahawa dalam UMNO sendiri pun, Ahli-ahli UMNO mengaku bahawa politik wang begitu meluas di dalam pemilihan pucuk pimpinan UMNO baru-baru ini. Kalau politik wang sudah begitu berleluasa – di peringkat Bahagian UMNO terpaksa belanja berpuluh-puluh ribu ringgit, di peringkat Kebangsaan terpaksa belanja beratus-ratus ribu dan mungkin berjuta ringgit. Dari mana wang itu datang, kalau tidak secara rasuah?

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak perlu beri penjelasan. Saya tidak ada masa.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak ada.

Tuan Ahmad bin Nor: ...dan inilah satu perkara yang saya hendak ingatkan sahaja Kerajaan Barisan...

Tuan Shahidan bin Kassim: Bagi dia, kalau orang banyak duit – rasuah. Ini orang gila sahaja, Tuan Yang di-Pertua, orang gila sahaja yang bercakap macam ini.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya hendak ingatkan Barisan Nasional akan kalah...

Tinbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Jehar bin Haji Mahirudin]: Dia tidak beri jalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak, bagi dia kalau orang ada duit – rasuah.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya tidak beri jalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tolong jawab soalan saya.

Tinbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Jehar bin Haji Mahirudin]: Yang Berhormat, sila gulung, satu minit.

Tuan Ahmad bin Nor: Kalau Barisan Nasional kalah, bukan kerana Pembangkang kuat.....

Tuan Shahidan bin Kassim: Katalah saya ada duit sekarang, adakah saya rasuah? Rasuah mana? [*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Ahmad bin Nor: Saya hendak sebut secara khusus...

Tuan Shahidan bin Kassim:
[Menyampuk] [Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahirudin]: Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Nor:orang-orang Melayu sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahirudin]: Minta gulung ucapan, satu minit lagi. Minta gulung, ya. Masa sudah habis.

Tuan Shahidan bin Kassim:
[Menyampuk] [Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahirudin]: Arau minta duduk, sila gulung, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Nor: Ya, terima kasih. Sebagai menggulung, saya hendak mengingatkan kepada Arau dan lain-lain pemimpin UMNO bahawa orang-orang Melayu hari ini pun bukan sahaja merasai cemas, malahan mereka merasa kecewa dan hampa dengan apa yang berlaku dalam UMNO berhubung dengan politik wang dan rasuah. Di Pulau Pinang khususnya.....

Tuan Shahidan bin Kassim:
[Menyampuk] [Pembesar suara dimatikan]

Tuan Ahmad bin Nor: Saya sedang menggulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahirudin]: Arau,

dia tidak beri jalan. Tidak ada masa, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim:
[Menyampuk] [Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahirudin]: Arau, minta duduk. Dia tidak beri.

Tuan Ahmad bin Nor: Di Pulau Pinang, khususnya, orang-orang UMNO sendiri telah menyatakan kepada saya semasa kempen pemilihan pucuk pimpinan UMNO, apabila Menteri Kewangan berjumpa dengan Ketua-Ketua Cawangan, salam sahaja RM1,000. Itu bukan orang lain yang cerita kepada saya, tetapi orang UMNO sendiri. Salam sahaja RM1,000.

Tuan Shahidan bin Kassim:
[Menyampuk] [Pembesar suara dimatikan]

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, dengan secara umum saya katakan bahawa.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahirudin]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Ahmad bin Nor: Ya, akhir sekali. Secara umum saya ingin menyatakan bahawa orang-orang Melayu hari ini telah hilang kepercayaan kepada UMNO dan tidak hairan kalau negeri Pulau Pinang dalam pilihanraya umum yang akan datang, orang-orang Melayu akan memberi sokongan kepada Pembangkang, khususnya kepada DAP. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahirudin]: Kinabalu.

4.27 ptg.

Dr. Osman Minudin [Kinabalu]:
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah berjaya membentangkan suatu Belanjawan yang bijaksana. Belanjawan ini merupakan Belanjawan yang memenuhi keperluan dan kehendak hampir kesemua pihak. Perhatian khas yang diberikan kepada negeri-negeri yang kurang membangun, termasuk Sabah, dalam Belanjawan 1994 adalah sangat dialu-alukan. Perhatian itu sepatutnya sudah lama diberikan. Namun begitu, biarlah terlambat daripada tidak diberi langsung. Walau bagaimanapun, Belanjawan yang begitu baik itu tidak berguna sekiranya matlamat akhirnya tidak tercapai, iaitu rakyat tidak menerima apa yang telah dijanjikan.

Oleh itu, adalah penting supaya Belanjawan tersebut dilaksanakan mengikut jadual untuk mencapai objektif seperti yang telah ditetapkan. Adalah satu pembaziran, sekiranya suatu Belanjawan yang bijaksana itu tidak dilaksanakan dengan baik. Saya berharap agar pelaksanaan Belanjawan ini adalah baik atau lebih baik daripada Belanjawan itu sendiri.

Sudah tentu kita merasa bangga melihat peruntukan yang banyak diagihkan kepada sesebuah negeri. Peruntukan yang banyak di atas kertas sahaja, menjadi kurang bermakna kalau amalan sebenarnya hanya 50% sahaja yang dibelanjakan, seperti kata Menteri Tenaga dan Pos yang dengan bangganya mengatakan bahawa Kerajaan Persekutuan membelanjakan RM200 juta untuk Lembaga Letrik Sabah. Tetapi apakah nilai RM200 juta dalam masa 30 tahun dibandingkan dengan Kementerian Pertahanan yang membelanjakan RM1.33

bilion setahun untuk sesuatu yang saya fikir tidak begitu diperlukan dengan segera. Hanya 10% sahaja daripada jumlah peruntukan untuk pertahanan tahun depan sudah dapat menyelesaikan masalah tenaga elektrik yang kian meruncing dihadapi oleh negeri Sabah setiap hari.

Suatu yang pasti adalah penjualan set jenerator di Sabah merupakan perniagaan menguntungkan. Saya tidak hairan jika syarikat-syarikat perniagaan jenerator itu dipunyai oleh ahli perniagaan yang berpengaruh. Saya harap agar pihak berkuasa yang berkenaan dapat menyelidiki perkara ini dengan lebih teliti dan menghasilkan suatu penyelesaian yang konkrit bagi masalah tenaga di Sabah dan bukannya marah kepada mereka yang mengemukakan masalah dan kesusahan berkaitan dengan masalah itu. Penduduk negeri Sabah adalah juga rakyat negara Malaysia. Oleh itu, tidaklah patut kalau kita dipulaukan dari hak kemajuan dan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu kemajuan dan pembangunan, saya ingin membawa perhatian Dewan ini kepada beberapa statistik yang penting. Statistik pertama mengenai dengan keselamatan dalam negeri iaitu kadar jenayah yang serius. Pada lazimnya, bagi sesebuah negara, apabila ia maju dan membangun dan jumlah penduduknya bertambah, kadar jenayah juga meningkat. Contohnya, kadar jenayah di New York adalah yang tertinggi di Amerika Syarikat dan salah satu sebabnya adalah New York berpenduduk paling padat.

Saya ingin mengajak Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini untuk merenung statistik seperti berikut. Untuk kes-kes pembunuhan pada tahun 1980, Semenanjung Malaysia telah

mencatatkan 18.2 kes bagi satu juta penduduk dan sebanyak 19.2 bagi tahun 1991, iaitu satu peningkatan yang amat kecil. Ertinya kadar jenayah tetap sama. Sementara itu di Sarawak, terdapat 20.6 kes bagi sejuta penduduk bagi tahun 1980 dan 24.6 kes bagi tahun 1991, iaitu peningkatan sebanyak 4 kes sahaja dalam masa 11 tahun. Tetapi di Sabah, jenayah pembunuhan adalah 43.4 kes bagi sejuta orang pada tahun 1980 dan meningkat dengan banyaknya kes kepada 52.4 kes pada tahun 1991, iaitu peningkatan 9 kes dalam jangkamasa yang sama.

Satu statistik yang menakutkan adalah kes-kes rogol. Pada 1980, di Semenanjung Malaysia terdapat 27.2 kes rogol pada tiap sejuta penduduk dan meningkat kepada 39 kes pada 1991. Bagi Sarawak, 20.6% bagi sejuta orang pada 1980, meningkat kepada 29.6 kes pada 1991. Tetapi di Sabah, terdapat 29.6 kes bagi sejuta orang pada 1980 dan meningkat kepada 53.5 kes iaitu peningkatan lebih kurang 80%.

Kejadian rompak berkumpulan juga menakutkan orang ramai. Beberapa hari lalu, Palace Hotel dirompak. Satu Jabatan digelidah dan sebuah Ninja Turtle dicuri pada masa yang sama. Kes rompak tidak mengenal mangsa. Bangunan persatuan pun menjadi mangsa seperti kes yang menimpa kepada Bangunan Persatuan Foo Chao. Wanita biasanya mengelakkan kompleks kerana runsing disebabkan kes-kes rompakan yang sering berlaku di dalam lif beberapa minggu lalu. Mengikuti kenyataan pihak Polis negeri Sabah yang dikeluarkan melalui suratkhbar tempatan bahawa 90% daripada kes-kes jenayah adalah dilakukan oleh orang-orang asing yang boleh masuk dan keluar di negeri ini sesuka hati.

Oleh itu, saya berharap agar pihak berkuasa akan memperkuatkan lagi

pasukan keselamatan di negeri ini untuk mempertahankan nyawa dan milik orang awam dan menghalau orang-orang asing ini yang tidak mempunyai dokumen-dokumen sah keluar dari negeri Sabah.

Satu lagi isu yang serius adalah kegiatan lanun yang bermaharajalela di Pantai Timur Sabah. Kegiatan lanun ini menakutkan para nelayan untuk turun ke laut. Jika kegiatan lanun tidak dibendung, alamatnya pencarian hidup nelayan di negeri Sabah terancam. Saya juga berharap, agar pihak yang bertanggungjawab akan membanteras lanun itu dengan memperkuatkan lagi pasukan yang mengawal keselamatan di kawasan perairan di negeri Sabah. Kalaulah Kerajaan sanggup menghantar tentera ke Bosnia-Herzegovina, Kampuchea, Somalia dan lain-lain negara lagi untuk mempertahankan orang-orang di sana, saya tidak nampak sebab mengapa Kerajaan kita tidak dapat mempertahankan keselamatan rakyat dan harta-benda rakyatnya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggunakan peluang ini juga untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana memberi hospital umum bagi Sipitang di mana saya percaya akan memberi manfaat kepada penduduk sekitarnya. Tetapi hospital hanyalah bangunan tanpa kakitangan dan bekalan ubat yang mencukupi adalah tidak berguna seperti komputer tanpa softwarena.

Pada tahun 1980, Sabah mempunyai 7,184 penduduk bagi seorang doktor dan bertambah baik menjadi 5,696 pada tahun 1990 iaitu peningkatan sebanyak 16.9%, tetapi kita masih teruk jika dibandingkan sebanyak 16.9%, tetapi kita masih teruk jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia yang mengalami peningkatan

27.9% dan Sarawak 34.5% dalam jangka waktu yang sama.

Untuk memahami taraf kesihatan di Sabah, di sini saya kemukakan lagi satu petunjuk iaitu kadar kematian bayi. Pada tahun 1980, Sabah mempunyai kadar terendah kematian bayi iaitu 22.75 dibandingkan dengan 23.99 di Semenanjung dan 23.72 di Sarawak, tetapi situasi ini berubah pada tahun 1990 di mana Sabah mempunyai kadar kematian bayi yang tertinggi dengan 17.14 orang dalam 100 bayi mati dibandingkan dengan 13.12 di Semenanjung dan 10 di Sarawak. Perkara ini berlaku di negeri Sabah kerana hospital-hospital dan klinik-klinik tidak dapat menampung keperluan kesihatan akibat menampung kemasukan pendatang asing.

Saya ingin mengajak salah seorang di antara Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk melihat masalah-masalah ini di satu hospital awam di Sabah. Hanya untuk melihat sahaja, pasti Yang Berhormat merasakan seolah-olah Yang Berhormat berada atau memasuki negara asing. Ini adalah satu masalah yang amat serius.

Saya juga difahamkan bahawa Jabatan Pergigian di Hospital Ratu Elizabeth, Kota Kinabalu memperuntukkan beberapa hari yang istimewa, khusus untuk merawat pendatang asing ini. Dalam kata lain, pada masa-masa tertentu ini, warganegara Malaysia tidak dirawati. Perkara ini seharusnya tidak berlaku dan kalau ia benar berlaku, tindakan segera harus diambil untuk memperbaikinya.

Saya tahu, pihak Tentera dan Polis menghantar balik ratusan pendatang asing setiap bulan, mungkin setiap hari, tetapi, beribu-ribu juga yang memasuki negeri

ini setiap hari! Ini membawa saya kepada satu lagi isu yang sangat serius dan saya berharap Kementerian Dalam Negeri mengambil tindakan terhadap masalah pendatang asing ini.

Masalah Kad Pengenalan palsu adalah meluas di Sabah. Saya mempunyai teman-teman yang pernah melihat Kad Pengenalan palsu yang sama rupa dengan Kad Pengenalan asli. Anggapan bahawa Kad Pengenalan itu palsu hanya bila pemegangnya tidak tahu bertutur bahasa Melayu. Kenapa masalah Kad Pengenalan palsu sangat meluas? Apa yang pihak berkuasa lakukan untuk membanteras masalah Kad Pengenalan palsu ini? Penghapusan lebih 20,000 pengundi dari senarai pengundi menunjukkan dengan jelas bahawa pegawai Kerajaan pun tidak dapat membezakan yang mana Kad Pengenalan palsu dan yang mana asli. Bukankah ini masalah serius kepada keselamatan negara kita? Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa sumber manusia adalah sumber terpenting. Ini telah dibuktikan berkali-kali. Oleh itu, untuk mencapai sasaran Wawasan 2020, kita mesti kendalikan sumber manusia ke arah itu. Yang paling utama, penduduk mestilah berpendidikan, dan untuk itu mereka haruslah bersekolah. Kerana itu, sekolah-sekolah rendah hendaklah dijadikan suatu kewajipan bagi setiap anak yang mencapai umur 7 tahun. Tetapi, sebelum kita lakukan itu, kita harus memastikan sekolah, bilangan bilik darjah dan yang paling penting sekali, tenaga guru harus mencukupi.

Di Sabah, kita mempunyai keadaan di mana jumlah sekolah dan tenaga guru tidak mencukupi untuk mengimbangi pertambahan bilangan murid. Misalnya, di antara tahun 1980 dan tahun 1990, di Semenanjung terdapat peningkatan

sebanyak 16% murid-murid sekolah rendah bagi sesebuah sekolah, sementara di Sarawak, ia meningkat 10.9% dan 45% bagi Sabah. Keadaannya adalah lebih teruk untuk sekolah menengah. Keadaan bertambah baik bagi Semenanjung dan Sarawak, iaitu terdapat kekurangan pelajar-pelajar sebanyak 8.7% bagi Semenanjung dan 7.8% bagi Sarawak; sementara di Sabah, angkanya meningkat 22.6%. Angka ini menunjukkan dengan jelas bahawa pertambahan bilangan sekolah di Sabah tidak dapat memenuhi pertambahan jumlah murid.

Pada keseluruhannya, didapati ada peningkatan ratio guru:murid, atau teacher:pupil ratio, dengan izin, tetapi peningkatan ini adalah tidak sama rata. Misalnya, Sarawak mengalami peningkatan tertinggi dengan kenaikan 46.8% untuk sekolah rendah; dan 28.5% untuk sekolah menengah. Berbanding dengan Semenanjung, iaitu 23% untuk sekolah rendah; dan 19.7% untuk sekolah menengah. Sabah, 23.9% untuk sekolah rendah; dan 15.8% untuk sekolah menengah. Oleh itu, saya mencadangkan supaya apa juga kemudahan untuk kebaikan rakyat haruslah diagihkan dengan seadil-adilnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Teluk Intan.

4.46 *ptg.*

Tuan Ong Tin Kim [Teluk Intan]:
Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan kerana buat pertama kalinya kita dapat satu non-deficit Budget, iaitu pendapatan dari cukai dapat berseimbang dengan segala perbelanjaan, termasuk perbelanjaan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Budget ini juga merupakan satu Budget yang balanced kerana seperti yang dihuraikan dalam empat strategi yang terkandung di dalamnya, selain daripada menekankan pertumbuhan ekonomi, ia juga membanteras inflasi, sambil kita menggalakkan aktiviti-aktiviti industri, perniagaan dan memberi insentif kepada korporat-korporat, Budget ini juga memberi perhatian kepada pengagihan hasil pertumbuhan ekonomi negara kita supaya lapisan masyarakat yang berpendapatan rendah dan miskin dapat bersama-sama kita juga menikmati kekayaan dan hasil pertumbuhan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bukan untuk memberi tahniah dan pujian kepada Menteri Kewangan sahaja, tetapi saya bangun kerana hendak membangkitkan beberapa perkara. Yang pertama, saya rasa kecewa sedikit kerana pelepasan cukai untuk anak-anak yang belajar di luar negeri dikurangkan. Alasan yang diberi ialah hendak menggalakkan anak-anak kita melanjutkan pelajaran mereka dalam negeri kita dan menjimatkan pertukaran wang asing. Tetapi, soalnya ialah, dapatkah Kementerian Pendidikan kita ataupun institusi-institusi pengajian dapat menyediakan tempat-tempat dan staf-staf akademik dan segala infrastruktur, hardware dan software yang lengkap dan cukup untuk mengambil semua penuntut-penuntut yang ingin melanjutkan pelajaran tinggi di negara kita? Sudah tentu jawapannya pada masa kini, tidak. Dalam masa yang singkat pun saya berpendapat, tidak dapat juga kita menyediakan dan di mana rasionalnya untuk mengurangkan pelepasan cukai ini?

Jikalau dipandang dari segi matlamat kita hendak menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan dan justerunya, Pusat

Sains dan Teknologi bagi Asia Tenggara, kita masih perlu pula hendak menambah beribu-ribu academicians, pensyarah-pensyarah, profesor-profesor dan pakar-pakar untuk tujuan ini. Proses pembinaan tenaga manusia, justerunya, academicians dan pakar-pakar, bukan sahaja memakan masa dua atau tiga tahun, tetapi 10 tahun atau 20 tahun. Jikalau dipandang dari segi ini, kita harus menghantar penuntut-penuntut yang berpotensi ataupun berbakat ke mana-mana sahaja untuk dilatih dan mendapatkan ilmu pengetahuan yang terkini di dunia. Bukankah potongan atau pengurangan pelepasan cukai ini bertentangan dengan polisi kita untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan ataupun Pusat Sains dan Teknologi di Asia Tenggara? Saya sangat-sangat berharap Menteri Kewangan kita dapat mempertimbangkan semula hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, selain daripada menjadikan Malaysia sebagai Pusat Pendidikan di Asia Tenggara, Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir juga telah mengumumkan bahawa kita berhasrat menjadikan Malaysia sebagai Pusat Sains dan Teknologi di Asia Tenggara. Saya rasa sedikit sedih kerana saya tidak nampak di mana-mana pun dalam Budget ini ada apa-apa peruntukan ataupun rancangan-rancangan dalam Budget ini berkenaan hasrat ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini ada beratus-ratus anak Malaysia yang berpelajaran tinggi berada di luar negeri – di United States, Eropah dan lain-lain tempat. Ada di antara mereka itu adalah pakar yang terkenal sekali dalam dunia, dalam bidang-bidang tertentu. Sebagai contoh, seorang kawan saya, beliau adalah pakar yang terkenal sekali dalam dunia, dalam bidang sains genetik.

Seorang kawan lagi bekerja di sebuah pusat pengajian roket di United States, bukan Roket DAP. Ada pula kawan-kawan saya yang telah menjadi profesor ataupun Dean of Faculty universiti yang terkenal di United States. Mereka ini bekerja di luar negeri bukan kerana gaji atau wang atau kehidupan yang lebih selesa di luar negeri. Mereka bekerja di luar negeri kerana kepakaran dan kecekapan mereka itu tidak dapat digunakan dalam negeri kita. Mereka bila-bila juga sudi kembali kepada negara kita berkhidmat untuk negara kita jika diberi satu peluang, satu tempat atau satu institusi di mana mereka dapat mempergunakan kepakaran dan kecekapan mereka.

Saya mengusulkan di sini bahawa satu jawatankuasa diwujudkan untuk menggalakkan mereka ini kembali kepada negara kita dan menempatkan mereka di institusi-institusi tertentu supaya dapat kita mengembangkan kepakaran mereka. Dengan cara ini, diharapkan hasrat kita menjadikan Malaysia sebagai pusat sains dan teknologi di Asia Tenggara dapat dicapai secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya tidak boleh tidak, perlu membangkitkan di Dewan yang mulia ini. Sejak beberapa tahun yang kemudian ini, pembeli-pembeli rumah harganya kurang daripada RM100,000 sangat susah hendak mendapat pinjaman dari bank-bank. Permohonan mereka untuk mendapat pinjaman dari bank-bank sengaja dilewat-lewatkan dengan pelbagai kesusahan dan lebih mengecewakan, permohonan-permohonan mereka akhirnya ditolak dengan pelbagai alasan-alasan. Saya dapat tahu banyak projek perumahan telah ditangguhkan atau ditinggalkan kerana pemaju-pemaju

sudah tahu mereka susah hendak mendapatkan pinjaman dari bank-bank untuk pembeli-pembeli mereka dan tanpa pinjaman dari bank-bank, pembeli-pembeli ini pula tidak mampu membeli rumah-rumah yang ada.

Saya harap Kementerian Kewangan dapat menyasiat perkara ini kerana sekiranya keadaan seperti ini dibiarkan berlanjutan sudah tentu ia akan menjejaskan usaha kita untuk membangunkan ekonomi negara kita. Saya juga harap pihak bank-bank akan sedar bahawa perbuatan sedemikian akan menjejaskan ekonomi negara kita dan juga akhirnya ia akan membawa kesan buruk kepada suasana perniagaan di negeri ini, termasuk juga perniagaan bank-bank. Saya sangat berharap bank-bank sedar bahawa selain daripada menjalankan perniagaan sebagai bank komersil, mereka juga harus sedar bahawa mereka ada tanggungjawab sosial bersama-sama Kerajaan dan rakyatnya untuk memajukan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak membangkitkan di sini ialah birokrasi (bureaucratic) pentadbiran. Sesuatu polisi ataupun Budget seperti ini, walau bagaimana lengkap, sempurna dapatkah kita mencapai objektif-objektif polisi tersebut, ini terpulanglah kepada implementasi iaitu pelaksanaan. Pendek kata, pegawai-pegawai yang melaksanakan sesuatu polisi ataupun sesuatu Budget itulah yang akan menentukan kejayaan ataupun pencapaian sesuatu polisi. Saya hendak terangkan di sini bahawa kebanyakan pegawai-pegawai atau kakitangan kerajaan adalah menjalankan tugas mereka dengan memuaskan. Tetapi juga ada setengah-setengah pegawai pentadbiran yang bersikap birokratik. Inilah selalu yang mengecewakan kita, khasnya sikap-sikap pegawai di service counter. Kadang-

kadang ini sangatlah mengelirukan dan mengecewakan kita.

Sebagai Wakil Rakyat, saya sering kali dapat aduan dari rakyat di kawasan saya dan juga di tempat-tempat lain. Mereka ini kata "PM kita itu bagus tetapi Kerajaan ataupun kakitangan tidak boleh katalah". Saya ambil satu contoh, ini berlaku di kawasan saya, di sebuah jabatan. Tidak payah saya menamakan jabatan ini kerana saya ingin berjumpa pegawai yang berkenaan untuk selesaikan hal ini. Jabatan ini melibatkan urusan dengan orang ramai. Counter servicenya selalu sesak. Orangny datang berpuluh-puluh batu untuk queue up mendapat satu borang untuk membuat permohonan. Mereka datang ini ber'queue' sebelum pukul 7.00 pagi dan pada pukul 8.00 pagi, service counter buka tetapi selepas setengah jam atau belum sampai setengah jam dikatakan borang sudah habis. Besok datang lagi. Hari kedua datang awal sedikit iaitu pada pukul 6.30 pagi datang. Orang queue up juga. Tunggu-tunggu, sampai masa setengah jam atau 20 minit, borang sudah habis. Datang lain hari. Datang pula hari ketiga. Pada pukul 6.15 pagi, datang ke sana, queue up juga, tunggu-tunggu 10 minit atau 15 minit, borang habis. Jadi, orang itu kecewa, marah dan datang ke pejabat saya, jumpa sama dengan saya, marah, maki dan minta tolong. Saya ada urusan lain maka saya memanggil pembantu (assistant) saya bawa orang ini pergi tengok. Lain hari, jika perkara ini tidak dapat diselesaikan saya ingin jumpa pegawai, tetapi buat sementara hendak tolong orang ini, saya panggil pembantu saya bawa orang ini pergi jumpa pegawai jabatan tersebut. Pembantu saya bawa orang ini pergi jumpa pegawai itu. Dia memberitahu kepada pegawai itu, "Saya wakil daripada Yang Berhormat Tuan Ong Tin Kim Ahli Parlimen. Orang ini hendak minta pertolongan sedikit". Dia

kata, "Siapa itu Ong Tin Kim? Saya tidak tahu. Siapa-siapa pun datang ke sini, kena queue up".

Tuan Yang di-Pertua, queue up memang queue up tetapi berturut-turut tiga hari, sebelum pada pukul 7.00 pagi queue up tidak dapat satu borang. Itu masalah yang besar. Perkara seperti inilah yang selalu mengecewakan dan membangkitkan kemarahan rakyat. Selagi kakitangan kita mengamalkan sikap birokratik semacam ini ianya akan jadi bahan kritik atau ketidakpuasan di kalangan rakyat jelata. Bagaimana bijaksana pun polisi ataupun rancangan kita, ia tetap tidak akan membawa pencapaian objektif-objektif polisi ini. Perkara ini ada berkaitan dengan transparency policy, undang-undang, peraturan-peraturan dan public accountability, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sangat besar. Saya tidak mahu bangkitkan perkara ini berlanjutan tetapi biar saya pendek kata, service counter ialah satu tempat pegawai-pegawai ada contact terus dengan rakyat. Di sini pegawai-pegawai kita hendaklah bersopan-santun dan juga ada satu peraturan di mana rakyat tahu bila dia dapat mengatasi atau menyelesaikan perkara atau permohonan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak kata sedikit tentang perumahan kos rendah. Saya sangat gembira kerana di dalam Budget Kerajaan telah mengambil satu langkah yang tegas untuk menggalakkan pembinaan rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan rumah kediaman telah ~~terasa menjejaskan dan mengancam~~ ketenteraman dan juga keselamatan tempat-tempat di negara kita. Di mana-

mana bandar ataupun di mana-mana tempat juga terdapat kawasan rumah setinggan (slump area). Tempat-tempat ini adalah punca bagi penyakit berjangkit dan juga jenayah. Tetapi penduduk-penduduk di slump area atau di rumah setinggan bukan mereka rela atau suka untuk duduk di tempat sana, kerana mereka tidak dapat membeli rumah kediaman yang sederhana. Mereka terpaksa duduk di rumah setinggan. Jadi, perkara ini telah dibiarkan selama ini dan tidak dapat diselesaikan.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di atas peruntukan sebanyak RM1,400 juta untuk pembinaan dan juga mewujudkan satu tabung untuk rumah kos rendah. Tetapi yang saya hendak membangkitkan di sini ialah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan ini agaknya tidak begitu pro-aktif. Langkah-langkah yang lebih proaktif harus diambil seperti Kerajaan hendaklah mengenalpastikan tempat-tempat atau tanah-tanah untuk tapak perumahan kos rendah. Pihak swasta digalakkan untuk mengambil bahagian di dalam skim perumahan kos rendah ini dan segala insentif yang dirancangkan dan dicadangkan dalam Budget ini diberi kepada pihak swasta untuk bersama-sama dengan Kerajaan untuk membina rumah kos rendah. Sekiranya tanah tidak dikenalpasti atau langkah yang lebih proaktif diambil, cuma wujudkan satu tabung, saya rasa kita tidak akan dapat menyelesaikan masalah ini dalam masa yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menggulung, saya hendak mengatakan di sini bahawa Budget ini adalah satu Budget yang balanced. Tetapi walau ataupun polisi ini, pencapaiannya terpulanglah kepada pelaksanaan. Jikalau pelaksanaan kita dibiarkan kepada

pegawai-pegawai kita yang bersikap birokratik dan juga peraturan-peraturan yang tidak begitu kemas, ia akan menjejaskan apa-apa juga polisi ataupun apa-apa juga rancangan yang disusun oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya pohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masih ramai yang hendak berucap. Saya tidak tahu berapa ramai. Tanjung Karang.

5.03 ptg.

Tuan Saidin @ Yusof bin Adam [Tanjung Karang]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Anggaran Perbelanjaan 1994 yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan kita pada 29hb Oktober 1993 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menghadapi keadaan dunia yang semakin canggih, kita perlu menyediakan rakyat kita dengan segala persiapan yang lengkap dan adil supaya sekalian rakyat boleh menghadapi tanpa mendapat sebarang permasalahan. Rakyat tidak kira kaya atau miskin perlu disediakan dengan segala kelengkapan rohani dan jasmani demi untuk menjamin kesejahteraan dan mengelakkan mereka dari mengalami kejutan budaya yang boleh mengakibatkan mereka hilang nilai-nilai ketimurannya. Tidak kira sama ada mereka ini datang dari bandar atau luar bandar, mereka seharusnya mendapat kemudahan yang sama. Kita tidak boleh memberi kelebihan ke atas seseorang hanya kerana ia berasal dari bandar atau luar bandar. Seseorang penduduk itu seharusnya mendapat kemudahan yang sama dan membayarnya dengan kadar yang sama, tidak kira sama ada mereka berasal dari bandar ataupun luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna penduduk luar bandar tidak sepatutnya terpaksa membayar bayaran perkhidmatan telefon yang lebih tinggi berbanding dengan penduduk-duduk bandar. Walaupun ianya dilihat dari sudut jauh tempat tinggal mereka dari ibusawat telefon, mereka masih berhak untuk mendapat perkhidmatan yang sama. Ini adalah selaras dengan tujuan Kerajaan untuk merapatkan jurang di antara penduduk bandar dan desa. Hasrat kerajaan untuk melengkapkan setiap kampung di Malaysia dengan perkhidmatan telefon sebelum tahun 1997, tidak akan berhasil sekiranya mereka masih dan terpaksa membayar perkhidmatan yang lebih.

Apatah lagi jika kita fikirkan mengenai perbezaan pendapatan antara penduduk bandar dan luar bandar sendiri. Sekiranya kita mengira mengenai pendapatan sebulan penduduk luar bandar, mereka ini sepatutnya dikenakan bayaran yang lebih rendah dari penduduk bandar. Di bandar juga boleh dikatakan setiap rumah mempunyai bekalan telefon mereka sendiri. Jadi, kebanyakan mereka sememangnya mampu untuk mempunyai kemudahan yang sebegini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun penduduk-penduduk bandar mempunyai kemudahan-kemudahan yang kebanyakannya tidak mampu untuk dimiliki oleh penduduk luar bandar, kebanyakan mereka tidak mempunyai rumah sendiri. Ini pun bukanlah disebabkan ketidakmampuan mereka untuk membeli rumah, tetapi atas sebab ketidakcukupan projek perumahan untuk menampung permintaan mereka. Ini ditambah pula dengan projek-projek perumahan yang terbengkalai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan telah

merancang untuk membina 343,800 unit rumah kos rendah. Rancangan Malaysia Keenam ini akan tamat dalam tahun hadapan. Mengikut laporan, masih banyak lagi rumah yang belum siap dan Rancangan Malaysia Keenam akan tamat setahun lagi. Hingga setakat ini, berapa banyakkah rumah yang telah dibuat dan bagaimanakah Kerajaan akan melaksanakan target yang tersebut? Adakah membiarkan sahaja atau membawanya ke Rancangan Malaysia Ketujuh pula?

Tujuan Kerajaan untuk membuat projek seperti ini adalah untuk menyediakan rumah untuk sekalian rakyat, terutamanya rakyat yang berpendapatan rendah. Tetapi sekiranya projek ini lambat dan kadangkala terbengkalai, tujuan ini tidak akan terlaksana. Perkara seperti ini juga akan menambahkan bilangan rumah-rumah setinggan yang sememangnya telah semakin banyak ketika ini. Sekiranya tidak terkawal, maka keadaan ini akan menjadi semakin buruk lagi seperti yang berlaku pada kawasan setinggan yang terdapat di Mexico City dan di Jakarta. Tempat-tempat seperti inilah yang menjadi tempat yang paling mudah bagi penyakit-penyakit merebak.

Sehingga Disember 1992, terdapat sebanyak 118 projek perumahan yang masih terbengkalai yang membabitkan 18,786 pembeli. Ini telah menimbulkan kesan dan beban yang mendalam di atas para pembeli. Kebanyakan daripada mereka ini adalah penyewa-penyewa dan mengharapkan untuk duduk di rumah sendiri dengan secepat mungkin. Tetapi apabila projek perumahan ini terbengkalai, mereka terpaksa menanggung beban yang banyak. Mereka terpaksa membayar ansuran bank dan juga sewa rumah yang mereka diami. Ini menyebabkan mereka kadangkala terpaksa

berpindah ke kawasan setinggan demi untuk menjimatkan belanja mereka. Tidakkah ini akan menambahkan lagi bilangan kawasan setinggan di negara ini?

Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu difikirkan dan dikaji oleh pihak Kerajaan adalah punca mengapa sesuatu projek itu terbengkalai. Adakah kerana pengurusan tidak betul ataupun kerana pihak pemaju tidak mempunyai perancangan yang betul di dalam menjayakan projek sebegini dan apakah sebenarnya yang telah terjadi ke atas mereka?

Pihak Kerajaan seharusnya mengkaji dengan sedalam-dalamnya atau jika perlu mempunyai peraturan yang lebih ketat lagi demi untuk memastikan bahawa setiap projek perumahan itu berjaya. Kita tidak boleh hanya membantu dari segi kewangan sahaja, tetapi juga kita mestilah membantu dari segi pengurusan supaya pihak pemaju dapat berdikari di kemudian hari.

Kita tidak mahu mempunyai ramai usahawan, tetapi bilangan yang berjaya adalah sedikit. Tetapi apa yang kita mahu ialah setiap usahawan yang menceburkan diri di bidang ini akan berjaya.

Sekiranya terdapat pihak pemaju yang tidak pandai mengurus, Kerajaan sepatutnya boleh menyediakan khidmat pengurus. Tidakkah ini juga serupa seperti yang dilakukan oleh PUNB, yang membantu syarikat-syarikat kecil mengurus dan mengendalikan syarikat-syarikat mereka? Jika sekiranya apabila dikaji perancangan mengenai perbelanjaan untuk memajukan sesuatu projek itu tidak betul-betul memuaskan. Kerajaan harus mempunyai hak untuk memperbaiki di samping menasihati pemaju mengenai perancangan perbelanjaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perancangan yang tidak betul membawa kepada kegagalan sesuatu projek. Kebanyakan pemaju perumahan mempunyai budget yang terhad dalam menjalankan sesuatu projek. Mereka hanya mempunyai modal yang cukup untuk harga bahan pada masa pasaran itu sahaja, tanpa memberi ruang untuk harga bahan turun dan naik. Jika perkara yang sebegini terjadi, pihak bank ataupun Kerajaan seharusnya menasihati pihak pemaju ini supaya mempunyai modal pusingan yang lebih besar sebelum memulakan projek mereka. Tetapi terdapat juga pemaju perumahan yang terlampau gentar dan akan menaikkan harga barang-barang, menyebabkan mereka meletakkan harga yang terlalu tinggi untuk sesetengah pembeli untuk membelinya.

Sebagai contoh sekiranya kawasan perumahan itu mempunyai tiga jenis rumah dari jenis rumah murah, rendah dan sederhana, pemaju sebegini akan menjual rumah kos rendah mereka dengan harga biasa iaitu RM25,000 setiap sebuah, tetapi meletakkan harga yang tinggi di rumah jenis yang lain. Jadi keseluruhan projek ini tidak dapat dijalankan, kerana tiada siapa yang mampu membeli rumah dari jenis yang lain. Walaupun kesemuanya ini adalah kesilapan pemaju-pemaju perumahan, tetapi demi untuk memberi khidmat dan pertolongan kepada rakyat jelata, Kerajaan kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjaya membantu sedikit-sebanyak kerugian yang telah dilakukan oleh pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab ini.

Sehingga setakat ini Kerajaan telah mengambil 101 projek perumahan terbengkalai untuk dimajukan dan diberi nafas baru. Ini memberi kelegaan kepada mereka yang menjadi pembeli di kawasan

ini. Tetapi malangnya sebanyak 56 projek masih belum dimulakan lagi, perkara sebegini perlu diambil berat oleh Kerajaan kerana tujuan mengambil projek perumahan terbengkalai adalah untuk membantu rakyat. Sekiranya kita tidak serius maka rakyat juga yang akan merana. Sebelum Kerajaan mengambil-alih sesuatu projek, sudah semestinya diadakan satu kajian yang terperinci. Jadi, setelah dikaji segala kelewatan di dalam pelaksanaan, ia tidak akan terjadi lagi. Tujuan utama di dalam pemulihan projek-projek perumahan terbengkalai adalah untuk menolong rakyat yang kebanyakannya dari golongan sederhana dan rendah memiliki rumah, tetapi dengan mengambil masa yang panjang dalam memulakan sesuatu projek itu juga memberi kesan dan beban kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan sesuatu projek berjalan dengan lancar, langkah Kerajaan untuk mewujudkan bank perumahan yang memberikan pinjaman mudah kepada pemaju-pemaju perumahan amat dialu-alukan. Dengan adanya bank seperti ini pemaju-pemaju perumahan yang dibebankan dengan kadar faedah yang tinggi dapat mengurangkan kos pembiayaan sesuatu projek perumahan. Walaupun pinjaman ini adalah untuk membina projek perumahan kos sederhana dan rendah, ia masih juga dapat mencapai tujuan Kerajaan di dalam menyediakan rumah kepada semua rakyat. Dengan adanya pinjaman mudah seperti ini pihak pemaju perumahan sepatutnya dapat menjayakan konsep bina dahulu dan jual kemudian untuk memudahkan pembeli-pembeli rumah daripada tertekan untuk membayar kadar faedah yang tinggi. Sekiranya rumah-rumah ini tidak terjual, pihak pemaju boleh menyewakannya, ianya juga boleh mendatangkan hasil yang lumayan pada pemaju berkenaan.

[*Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya mahu sentuh adalah mengenai kebakaran. Sepanjang tahun 1992 terdapat lebih daripada 15,009 kebakaran yang melibatkan kerugian sebanyak RM425,643 juta. Jumlah ini meningkat dengan begitu mendadak sekali berbanding dengan tahun 1991, di mana kerugian disebabkan kebakaran adalah berjumlah RM347,890 juta. Adakah pihak Kerajaan sedar bahawa jumlah yang sebanyak ini boleh membuat beberapa banyak Balai Bomba lagi? Ia juga boleh digunakan untuk memperbaiki kelengkapan bomba.

Pihak Kerajaan perlu sedar tentang bahayanya kebakaran ini. Kita tidak boleh hanya mengharapkan kelengkapan yang ada sekarang untuk melawan kebakaran. Kebanyakan bangunan-bangunan sekarang yang dibina dengan begitu tinggi sekali, dan ini mungkin menyebabkan pihak Bomba tidak terdaya untuk melawannya dengan kelengkapan yang ada sekarang. Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk membeli peralatan yang lebih canggih agar kita dapat mengawal kebakaran dengan lebih berkesan lagi? Cuba bayangkan sekiranya terdapat kebakaran ketika orang ramai sedang sibuk dan kemungkinan kereta bomba untuk sampai ke tempat kejadian dalam waktu yang singkat adalah tipis. Tidakkah Kerajaan bercadang untuk membeli peralatan seperti helikopter untuk mengawal kebakaran di bangunan-bangunan tinggi dan juga untuk pergi ke tempat-tempat kebakaran di dalam waktu yang singkat.

Sekiranya kita boleh membeli helikopter untuk kegunaan pihak Polis, sudah tentu kita boleh membeli

helikopter untuk kegunaan pihak bomba pula. Walaupun harga sebuah helikopter itu mahal, tetapi kecepatannya dalam pergi ke sesuatu itu pergi difikirkan. Kita juga perlu memikirkan kawasan-kawasan yang tidak ada jalan seperti kawasan-kawasan hutan dan sebagainya. Bagaimana kita hendak memadamkan kebakaran yang terdapat di tempat begini, sekiranya kita tidak mempunyai kelengkapan yang cukup untuk pergi ke kawasan pendalaman memadamkan kebakaran?

Kerajaan harus menambah lagi peruntukan yang diberikan kepada jabatan ini demi untuk menjadikan ia lebih baik dan lebih efficient. Segala kecemasan di negara ini adalah terbabit dengan mereka, jadi wajarlah mereka mendapat kelengkapan dan peralatan yang lengkap demi untuk mengawal kebakaran ataupun segala tugas yang membabitkan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, sekurang-kurangnya satu pili bomba ditempatkan tidak lebih daripada 91.5 meter daripada access Pasukan Bomba yang terdekat sekali. Adakah pili-pili bomba ini ditempatkan di tepi-tepi jalan sahaja? Kebanyakan rumah-rumah di kampung terletak jauh ke dalam. Sekiranya terjadi kebakaran adakah pili bomba ini hampir dengan rumah atau menepati Akta Jalan, Parit dan Bangunan yang menyatakan access pipe bomba mestilah kurang daripada 91.5 meter. Kebanyakan rumah-rumah ini pula didirikan daripada kayu yang menyebabkan mudah terbakar. Jadi, sekiranya ia terbakar, maka sukar untuk diselamatkan kerana Balai Bomba yang jauh.

Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan bercadang untuk menambah bilangan

Balai Bomba seperti membuat satu Balai Bomba kecil setiap 20 kilometer? Ini memandangkan dalam hal kebakaran, kecepatan adalah penting dan setiap penduduk mesti hampir dengan Balai Bomba seperti hampirnya penduduk dengan Balai Polis. Kemudahan yang ada di setiap Balai Bomba tidak sahaja dilihat dalam bentuk kebakaran, tetapi juga penting dari segi yang lain. Setiap perkara yang berlaku, yang menyebabkan bahaya, kita boleh memanggil pihak bomba untuk datang menolong.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan mulut yang diberikan pada 19hb Julai, 1993, Jabatan Bomba menyatakan bahawa pihak Bomba memeriksa pili-pili bomba setiap tiga atau empat bulan sekali. Sekiranya pili-pili bomba ini ditimbusi tanah atau rumput, pihak Bomba boleh membersihkannya dengan senang, tetapi apakah yang akan dilakukan sekiranya pili-pili bomba ini ditutupi oleh pekedai-pekedai yang mendirikan gerai mereka di tepi jalan? Kebanyakan pekedai-pekedai ini membuat gerai mereka dengan sesuka hati tanpa memikirkan sama ada mereka menutup pili bomba atau pun tidak. Perkara ini berlaku berleluasa. Sebagai contoh yang nyata, di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Adakah pihak Bomba mempunyai penanda yang mungkin boleh diletakkan di tengah jalan bagi memudahkan pihak Bomba sendiri untuk mencari pili bomba di waktu berlakunya kebakaran? Dengan adanya penanda begini walaupun pili bomba ini ditutup oleh gerai-gerai ditepi jalan, ia masih boleh dicari dengan senang berdasarkan penanda yang diletakkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulannya, janganlah kita terlalu ghairah untuk mengejar menjadi negara maju sehingga menyebabkan kita lupa

terhadap tanggungjawab kita yang lain. Masyarakat di desa juga harus diperbandarkan. Memperbandarkan mereka bukan bermaksud untuk menjadikan mereka seperti masyarakat di bandar yang setengahnya leka dengan arus kebendaan tetapi adalah dengan melengkapkan mereka dengan kemudahan-kemudahan asas seperti air, elektrik dan telefon. Ini membolehkan mereka lebih peka dan kekayaan negara dapat dimanfaatkan bersama.

Selain daripada ini, seperti yang telah saya katakan, selain dari menyediakan rumah untuk sekalian rakyat, kita juga patut menyediakan kemudahan bomba yang berhampiran yang boleh sampai dengan sekelip mata sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin menyentuh ialah Rancangan Projek Barat Laut Negeri Selangor. Sering kita lihat dalam projek pelaksanaan Rancangan Projek Barat Laut Negeri Selangor yang telah menggunakan belanja yang begitu tinggi bagi membina jalan dan parit tetapi tidak disediakan satu peruntukan untuk memperbaiki jalan yang telah dirosakkan oleh kontraktor-kontraktor semasa membina jalan-jalan ladang, di dalam sawah-sawah dan di kampung-kampung. Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya satu peruntukan khas hendaklah disediakan di bawah Projek Barat Laut Negeri Selangor bagi memperbaiki jalan-jalan yang telah rosak semasa pelaksanaan membina jalan-jalan ladang dan membina parit-parit di dalam Rancangan Projek Barat Laut Negeri Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Seremban.

5.23 ptg.

Tuan Yim Chee Chong [Seremban]: Tuan Yang di-Pertua, thank you.

Tuan Yang di-Pertua: Amboi! Cakap orang Puteh pula! [Ketawa]

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada UMNO kerana Perhimpunan Agungnya telah dengan selamatnya bersidang. Juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr. Mahathir yang dipilih sebagai seorang Presiden UMNO dengan tidak bertanding. [Tepuk] Juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan kita kerana telah dipilih sebagai seorang Timbalan Presiden UMNO dengan tidak bertanding. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, dalam Perhimpunan Agung UMNO, cogan kata adalah "Bangsa Melayu Baru". Sekarang, selepas Perhimpunan Agung, saya berharap semoga cogan kata "Melayu Baru" ini akan menjadi "Malaysia Baru". Ini adalah menunjukkan bahawa rakyat jelata dalam negara kita ini bersatu-padu untuk menuju ke arah Wawasan 2020 agar negara kita ini akan terus maju, makmur, aman dan damai.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya harap semoga UMNO Baru dengan pucuk pimpinan yang bijaksana yang baru dipilih tidak lama dahulu akan dapat berkuasa di negeri Kelantan pada pilihanraya yang akan datang. [Tepuk] Negeri Kelantan di bawah pemerintahan PAS nampaknya semakin lama semakin runtuh dan semakin lama rakyatnya semakin miskin.

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya rakyat jelata akan menyokong

Barisan Nasional. Saya penuh yakin bahawa Barisan Nasional pasti menang dalam pilihanraya yang akan datang di negeri Kelantan. [Tepuk] Pemerintahan Kelantan akan kembali ke dalam tangan UMNO dan Barisan Nasional. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang disayangi dan disokongi, [Tepuk] Belanjawan itu adalah Belanjawan yang baik.

Tuan Lau Dak Kee: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ipoh bangun.

Tuan Yim Chee Chong: Apa? Hendak minta penjelasan atau pun point of order?

Tuan Lau Dak Kee: Minta penjelasan.

Tuan Yim Chee Chong: Penjelasan tak payahlah! Apabila saya sentiasa minta penjelasan, tetapi tidak sekali pun DAP beri. Begitulah jawapan saya – tidak beri. Minta duduk. [Ketawa] Kecuali point of order, saya akan duduk. [Ketawa] Kalau minta penjelasan, minta duduk. Nanti dulu!

Tuan Lau Dak Kee: Bukan pengecut?

Tuan Yim Chee Chong: Kalau ada time saya bagi jalan. Walau bagaimanapun saya hendak beri penjelasan kepada Ketua Pembangkang tetapi nampaknya dia tidak ada dalam Dewan ini. Silakan duduk, minta beliau balik ke dalam Dewan. [Ketawa] Saya hendak cabar kepada Ketua Pembangkang apa yang saya sifatkan sebagai "Ketua Pembohong". [Ketawa]

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, point of order...

Tuan Yim Chee Chong: ...minta duduk. Nanti saya akan menjelaskan kenapa saya mengatakan Ketua ...

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, nanti sekejap. Ini point of order sekarang.

Tuan Yim Chee Chong: Sekarang point of order? Nanti saya hendak...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduklah.

Tuan Lau Dak Kee: Point of order 36(6), perkataan 'pembong'...

Tuan Yang di-Pertua: Ya?

Tuan Lau Dak Kee: Perkataan 'pembong' yang telah digunakan oleh seorang ...

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat dari Seremban, perkataan 'pembong' yang ditentukan kepada seseorang tidak boleh dibenarkan.

Tuan Lau Dak Kee: Minta tarik balik, ya!

Tuan Yang di-Pertua: Minta tarik balik, Yang Berhormat!

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, kenapa saya mengatakan 'pembong' – saya hendak bagi faktor-faktor yang menunjukkan... [*pembesar suara dimatikan*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak boleh menggunakan perkataan 'pembong'.

Tuan Yim Chee Chong: Kalau seseorang itu betul bohong, boleh atau

tidak saya mengatakan 'pembong'? [*Disampuk*] Kalau yang betul pembong baik di luar Dewan atau pun di dalam Dewan... [*pembesar suara dimatikan*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat tarik balik perkataan 'pembong'.

Tuan Yim Chee Chong: Atas arahan Tuan Yang di-Pertua, saya bersiap sedia untuk menarik balik. [*Ketawa*]

Seorang Ahli: Dia pembong!

Tuan Yim Chee Chong: Apa itu?

Seorang Ahli: Dia memang pembong.

Tuan Yim Chee Chong: Dia bohong betul. Pada hakikatnya, dia bohong betul, nanti saya akan menjelaskan kenapa saya katakan begitu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta jangan ulangi perkataan itu. Sudah tarik balik, jangan ulangi lagi.

Tuan Yim Chee Chong: Saya menarik balik perkataan 'bohong' itu. Nanti saya akan menjelaskannya. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta tarik balik perkataan itu!

Tuan Yim Chee Choong: Saya tarik balik, Tuan Yang di-Pertua. Saya menghormati Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, dia tarik baliknya atau...

Tuan Yang di-Pertua: Dia tarik balik!

Tuan Yim Chee Chong: Ipoh, saya telah tarik balik! Silakan duduk! Sudah tarik balik. Nanti saya jelaskan.

Seorang Ahli: Tak boleh guna perkataan 'bohong'.

Tuan Yim Chee Chong: Tidak boleh gunakan perkataan 'bohong'? Nanti saya akan menerangkan kenapa saya mengatakan begitu! [*Ketawa*]

Tuan Saidin @ Yusof bin Adam: Belanjawan.

Tuan Yim Chee Chong: Belanjawan! Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah memperingatkan saya balik kepada Belanjawan.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan ini adalah Belanjawan yang baik yang mendapat sambutan baik daripada semua lapisan rakyat di negara kita ini, kecuali DAP yang tidak puas hati dengannya kerana Belanjawan ini mendapat sambutan dari rakyat jelata. Oleh kerana Belanjawan ini begitu baik dan memuaskan serta berfaedah kepada orang-orang miskin, kita harus merakamkan ribuan terima kasih kepada Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr. Mahathir. Kita harus mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Perikatan [*Ketawa*] yang sekarang dinamakan Kerajaan Barisan Nasional yang berjaya untuk menamatkan pemberontakan komunis. Wang berjuta-juta ringgit untuk melawan komunis. Sekarang kita mengguna wang itu untuk membangunkan negara kita.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan.

Tuan Yim Chee Chong: Penjelasan, okay.

Tuan Shahidan bin Kassim: Memang boleh.

Tuan Yim Chee Chong: Boleh.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tadi Yang Berhormat telah menggunakan perkataan 'Ketua Pembohong', tetapi terpaksa ditarik balik. Tetapi Yang Berhormat berkata begitu kenapa? Saya ingin penjelasan.

Tuan Yim Chee Chong: Saya belum sampai situ. Nanti 10 minit lagi akan sampai kenapa saya berkata begitu.

Kestabilan politik – oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional telah menamatkan pemberontakan komunis. Oleh sebab itu, kestabilan politik di negara kita ini akan menjamin kemakmuran dan kemajuan negara kita. Masa berapa lama lagi? Saya minta dilanjutkan 10 minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat menyesal tentang sikap Yang Berhormat dari Kota Melaka iaitu dari DAP, pada 9hb November ini menggunakan perkataan yang kotor dan keji, yang mensifatkan Presiden MCA adalah seorang 'anak haram', ibunya 'pelacur', bapanya 'bapa ayam'. Kata-kata ini adalah niat yang jahat, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Yang Berhormat dari Kota Melaka ada di sini, saya minta dia tarik balik dengan segera.

Tuan Lau Dak Kee: [*Bangun*]

Tuan Yim Chee Chong: Silakan duduk, apa lagi. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta penjelasan.

Tuan Yim Chee Chong: Tak beri jalan. Di luar ada jalan balik Ipoh! [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti sekejap, apa dia?

Tuan Lau Dak Kee: Point of order.

Tuan Yim Chee Chong: Apa lagi?

Tuan Lau Dak Kee: 36(10) (c).

Tuan Yim Chee Chong: Jangan membuang ...

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, Yang Berhormat dari Seremban.

Tuan Lau Dak Kee: 36(10) (c).

Tuan Yang di-Pertua: (c), apa dia?

Tuan Lau Dak Kee: Perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan dan bersakit hati kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Tak ada.

Tuan Lau Dak Kee: Dia tuju kepada saya. Saya datang ke Dewan ini untuk menghadiri Dewan ini. Dia suruh saya balik – dia tunjukkan jalan saya balik – saya tahu balik. Tetapi bukan daripada arahnya, bukan arahan seorang yang menyokong bekas-bekas perjuangan iaitu left-wing iaitu Ahli dari Seremban. Dahulu dia pro-komunis, salah atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Yim Chee Chong: Saya tidak pernah pro-komunis. Minta tarik balik dengan segera, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak, halau keluar dari Dewan ini!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.....

Tuan Yim Chee Chong: Memfitnahkan saya. Kalau ulangi di luar Dewan, saya akan tuduh dia di mahkamah, beri satu chance untuk membela diri.

Tuan Shahidan bin Kassim: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Seremban, nanti sekejap, Arau bangun.

Tuan Lau Dak Kee: Minta tarik balik.

Tuan Shahidan bin Kassim: On a point of order 36(6). Saya minta dia tarik balik perkataan menuduh Yang Berhormat bekas pro-komunis.

Tuan Yang di-Pertua: Bekas apa?

Tuan Shahidan bin Kassim: Pro-komunis. Tak boleh!

Tuan Lau Dak Kee: Boleh saya beri penjelasan, atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Tak usahlah. Yang Berhormat, perkataan 'komunis' satu masa sudah pun menjadi satu perkataan yang tidak boleh digunakan. Satu masa, pada masa kita meng-haramkan komunis, dan komunis telah pun menjadi suatu ancaman. Tetapi pada masa sekarang komunis tak ada, siapa pun boleh kata dia komunis dan sebagainya. Sebenarnya tiada apa-apa perkara ini pada masa sekarang.

Tuan Lau Dak Kee: Terima kasih.

Tuan Shahidan bin Kassim: ...boleh saya kata 'komunis'?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat kata.

Tuan Shahidan bin Kassim: Komunis!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Seremban sila bangun dan teruskan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Tuan Yim Chee Chong: Ada yang bangun, Tuan Yang di-Pertua, kawan baik saya.

Tuan Yang di-Pertua: Nak buat apa? Atas point of order berapa?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: 36(6) fasal dia kata 'dahulu'. Jadi, perkataan itu dahulu, dia ungkit yang dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapa sekarang ini. Kita kira sekarang.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Oleh itu saya hendak tambah sedikit lagi. Saya hendak tambah 'komunis' pada Ipoh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Yim Chee Chong: Dahulu, Tuan Yang di-Pertua. Dahulu saya bukan pro-komunis.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apalah.

Tuan Yim Chee Chong: Tan Sri kata

tak apa, saya tak apa. Kalau dia kata tak apa, saya kata tak boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat lima minit lagi.

Tuan Yim Chee Chong: Lima minit tak cukup, Tuan Yang di-Pertua. Minta tambah lima minit. Oleh kerana sumbangan Presiden – bukan DAP – tetapi MCA, sumbangan besar kepada masyarakat Tionghua, dan kepada nusa dan bangsa dalam negara kita ini. Oleh kerana di bawah pimpinan Presiden MCA telah mendapatkan sebanyak RM25 juta untuk TAR Kolej bagi pendidikan negara kita. Selain daripada itu, MCA kini mengadakan Projek Pulau Langkawi, berjuta-juta ringgit donation telah dapat dari orang ramai supaya pusat pendidikan didirikan di kampung-kampung baru supaya anak-anak kita belajar bersungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua, DAP buat kosong sahaja. Apakah sumbangan DAP selama 25 tahun yang kebelakangan ini? Sumbangannya kosong, saya berani mengatakan. Kata Kota Bharu dengan perkataan yang kotor itu adalah seperti orang Melayu mengatakan anjing menyalak gunung, tetapi gunung tidak akan runtuh.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: [Bangun]

Tuan Yim Chee Chong: Apa lagi, ini Kota Bharu, ada standard.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan. Dia tuju ke Kota Bharukah atau kawasan yang lain?

Tuan Yim Chee Chong: Oh, ini Kota Bharu, tetapi Kota Melaka. Yang bangun Kota Bharu, kalau tak salah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila apa yang hendak?

Tuan Yim Chee Chong: Sekarang tentang Bukit Bintang, nampaknya tak ada di sini. Saya kesal tentang ucapannya yang menghina orang-orang Melayu dalam negara kita ini, minta dia tarik balik. Minta dia meminta maaf kepada masyarakat Melayu dalam negara kita ini. Apakah sikap DAP adalah memecahbelah perpaduan rakyat jelata dalam negara kita ini, Tuan Yang di-Pertua.

Sekarang saya ingin bercakap tentang Ketua Pembangkang – bukan ‘Ketua Pembohong’ – Ketua Pembangkang, Tan Sri. Kenapa saya mengatakan ada yang bohong. Saya tidak ada kata siapa bohong? Baru-baru ini.....

Tuan Lau Dak Kee: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun atas point of order.

Tuan Yim Chee Chong: Selalu kacau dengan point of order, apa itu?

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dia tuju kepada Tan Sri Speaker, kalau tak salah saya mendengar. Kalau nak tuju kepada Pembangkang, Pembangkanglah. Jangan tuju kepada Tan Sri Speaker, itu tak baik.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apalah, Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: Cakapan itu ingat betul, betul!

Tuan Yim Chee Chong: Point of order berapa? Sila duduklah kalau tak dapat sebut.

Tuan Lau Dak Kee: Saya cuma hendak menarik perhatian daripada Tuan Yang di-Pertua kerana apa yang ditujukan adalah ditujukan kepada Tan Sri Speaker, ini tidak bermakna. Saya harap dia gunakan perkataan dan timbangkan dahulu sebelum digunakan.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apa, jalanlah Yang Berhormat Seremban! Teruskan.

Tuan Yim Chee Chong: Saya minta teruskan ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua. Sepuluh minit lagi saya minta.

Baru-baru ini, apa yang disebut oleh Ketua Pembangkang Yang Berhormat dari Tanjong, dalam Mesyuarat Agung DAP Bahagian Negeri Sembilan baru-baru ini mengatakan menuduh saya – Abli MCA dari Seremban. Apa dia kata tentang penjualan tanah kepada Kuala Lumpur Golf and Country Club dan Solarvest Sdn. Bhd.

Beliau kata saya opposed cadangan Public Accounts Committee (PAC). Pengerusi kita ada di sini. Beliau kata, saya opposed cadangan dari PAC supaya minta Badan Pencegah Rasuah (BPR) menyasat penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah mengatakan begitu, saya tidak opposed cadangan itu. Dari pandangan seorang peguam dan di sisi undang-undang – dalam peperiksaan, saya mendapat kepujian dalam Law of Contract, bukanlah saya hendak ‘show-off’, bukan. Saya adalah seorang yang sentiasa merendahkan diri, bukan hendak ‘show-off’ tetapi kerana hendak menunjukkan jalan kepada DAP. Orang Melayu kata “seperti buah padi, semakin berisi semakin rendah”. Jangan jadi seperti lalang atau DAP, “semakin lama semakin

tinggi". [Ketawa] Dari pandangan seorang peguam.....

Tuan Lau Dak Kee: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat ada yang bangun.

Tuan Yim Chee Chong: Dari pandangan seorang peguam.....

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh bangun, hendak beri atau tidak?

Tuan Lau Dak Kee: Minta penjelasan.

Tuan Yim Chee Chong: Silakan duduk.

Tuan Lau Dak Kee: Minta penjelasan, sama ada perumpamaan yang digunakan itu betul atau tidak?

Tuan Yim Chee Chong: Point of order atau minta penjelasan?

Tuan Lau Dak Kee: Penjelasan. Saya rasa, tepuk dinding, semut pun tidak jatuh.

Tuan Yim Chee Chong: Apa itu?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak usahlah. Yang Berhormat sila teruskan.

Seorang Ahli: Continue.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, professor minta saya 'continue', jadi saya akan 'continue'.

Tuan Yang di-Pertua: Yang

Tuan Yim Chee Chong: Lagi lima minit saya akan gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh, Yang Berhormat.

Tuan Yim Chee Chong: Dia kata saya opposed cadangan PAC, minta BPR menyiasat tentang hal ini. Sebenarnya, saya tidak ada cadangan untuk mengatakan begitu. Chinese newspapers mengatakan saya 'opposed'. Itu adalah niat yang jahat dari Ketua Pembangkang yang ingin memburukkan nama baik saya di Seremban, nama saya yang harum di Seremban. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Yim Chee Chong: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

Tuan Yim Chee Chong: Saya sokong Belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di Pertua: Ya, sekarang ada lima orang lagi yang hendak berucap. Bolehkah tiap seorang berucap dalam masa beberapa minit – kalau boleh dipendekkan sedikit.

5.44 ptg.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh [Selangau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Belanjawan Negara 1994, yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat

Pertama sekali saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri

Kewangan kerana beliau dapat menduduki kerusi Timbalan Presiden UMNO tanpa bertanding dan akan dilantik menjadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia, tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, zaman beredar dan semuanya beredar dan berubah sama dengannya. Mereka yang tidak sanggup berubah akan ketinggalan zaman. Tidak ada bangsa atau negara di dunia ini yang boleh mengasingkan diri daripada perubahan yang berlaku di dunia moden ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika Malaysia ingin mempertahankan kemerdekaannya, negara kita mestilah mempunyai kekuatan sendiri. Apa yang dimaksudkan oleh saya ialah bukanlah kekuatan tentera sahaja bahkan kekuatan ekonomi, kemampuan membangun negara, kestabilan politik, perpaduan rakyat dan hidup dalam aman dan damai, bersatu padu dan menghormati antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah membentuk Wawasan 2020 yang bertujuan menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Negara maju yang saya maksudkan bukan semata-mata sebuah negara industri yang pendapatan kapitalnya adalah sekian-sekian banyak, tetapi apa yang saya maksudkan dengan negara maju ialah negara berupaya menggunakan tenaga sendiri, penguasaan ilmu, mempunyai kecekapan, norma-norma nilai yang baik dan moral yang tinggi yang akan membolehkan kita bersaing dengan negara maju yang lain dalam semua bidang. Pertumbuhan ekonomi kita akan lebih dari paras 7% setahun atau sekali ganda pada tiap-tiap 10 tahun. Ini bermakna pada tahun 2020, ekonomi

kita akan menjadi 8 kali ganda lebih besar dari sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sistem politik dan pentadbiran yang kukuh, cekap, bersih dan amanah telah terbentuk. Saya amat mengalu-alukan dan mengucapkan terima kasih ke atas ucapan Yang Berhormat dari Bandar Sibu kerana sedar bahawa dengan kemasukan Parti Bangsa Dayak Sarawak (PBDS) ke dalam Barisan Nasional Sarawak, keadaan politik Sarawak akan lebih stabil dan kemajuan politik atau politic of development, dengan izin, yang telah dicipta oleh Yang Amat Berhormat, Ketua Menteri Sarawak akan tercapai untuk memajukan Sarawak sebagai sebuah negeri contoh di Malaysia.

Saya juga ingin memberi penghargaan dan terima kasih kepada Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PPB) yang telah sama menyokong Usul untuk kemasukan PBDS ke dalam Barisan Nasional Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Belanjawan 1994, yang dikatakan sebagai Belanjawan yang terbaik dan seimbang dalam sejarah Malaysia ini, akan dapat menguntungkan berbagai lapisan golongan masyarakat di Malaysia. Kita mengucapkan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional yang mempunyai tradisi betul-betul ingin memperjuangkan usahanya bagi membela nasib rakyat di seluruh negara tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Belanjawan 1994 membekalkan RM47.135 bilion dan daripada itu, RM33.28 bilion adalah bagi perbelanjaan mengurus, RM13.85 bilion adalah untuk pembangunan dan dengan jumlah ini 68% lebih banyak daripada perbelanjaan tahun lepas, bagi melaksanakan projek prasarana yang mendesak. Program sosio-ekonomi, peralatan

pertahanan dan perbelanjaan bagi semua pembangunan yang kini bertambah mendesak, tumbuh seperti cendawan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa yang terhad kepada saya untuk bercakap dengan panjang lebar, saya ingin menyentuh beberapa perkara berkenaan dengan Kementerian yang berkenaan.

Pertama, saya akan menyentuh berkenaan dengan Kementerian Kesihatan. Sesuai dengan kemajuan negara, mutu perkhidmatan kesihatan juga akan ditingkatkan. Mengenai peruntukan sebanyak RM2.53 bilion bagi menampung pengambilan 3,980 orang kakitangan baru, termasuk pelatih dan pegawai perubatan dan 50 buah Pusat Kemudahan Kesihatan baru, maka, dengan ini saya berharap ramai daripada anak-anak tempatan kita dapat diambil berkhidmat sebagai jururawat dan Pegawai Perubatan di negara kita dan mengurangkan pengambilan orang asing untuk berkhidmat di pusat perubatan dan di Hospital Kerajaan. Kita mahu juga banyak pusat-pusat perubatan dan klinik-klinik desa dibina di kawasan luar bandar. Begitu juga dengan ubat-ubatan patut dibekalkan ke kampung-kampung, rumah-rumah panjang dan sekolah-sekolah yang jauh dari Pusat Perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua saya ingin sentuh ialah berkenaan dengan Kementerian Pendidikan. Sebahagian besar peruntukan telah diberikan kepada Kementerian Pendidikan dengan sebanyak RM7.15 bilion, di mana sebahagian besar dari peruntukan itu adalah diberi untuk membiayai 135 buah sekolah baru termasuk sekolah vokasional, teknik serta asrama, untuk menampung pertambahan murid seramai 2,550 orang. Dengan peruntukan tersebut,

kami di Sarawak berharap banyak lagi bangunan sekolah, rumah guru dan asrama akan dibina dan dibaik-pulih, kerana kebanyakan sekolah di luar bandar adalah dalam keadaan buruk, usang dan amat menyedihkan. Saya beri contoh yang spesifik iaitu seperti di kawasan saya Selangau P.174 – misalnya Sekolah S.R.K. Pengkan Lubang. Bangunan sekolah ini hampir tumbang, rumah guru serta asrama murid-murid juga bocor dan banyak lagi sekolah-sekolah lain dalam keadaan yang sama dengan sekolah tersebut seperti S.R.K Ng. Pelugau, Balingian, S.R.K Ng. Kua, Mukah dan lain-lain.

Saya yakin dan percaya bahawa Kementerian akan mengambil perhatian dengan seriusnya tentang perkara ini bukan sahaja untuk membina bangunan sekolah sahaja tetapi membekalkan sekolah-sekolah dengan facilities yang cukup seperti elektrik, air paip yang bersih, alat pemadam api, alat komputer, typewriter, enjin pemotong rumput dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah timbul lagi bagi guru-guru yang mengajar di bandar di mana tidak ada rumah guru mereka tinggal di rumah Kerajaan atau Government quarters. Saya mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan memberikan housing allowance atau elaun perumahan kepada guru yang berkenaan dan Pegawai Pendidikan yang tinggal di rumah Kerajaan di sini atau yang menyewa tempat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara lain yang saya ingin sentuh ialah berkenaan dengan Kementerian Pendidikan juga di mana saya rasa sudah tiba masanya bahawa bahasa Inggeris yang dikatakan bahasa antarabangsa di perkuatkan lagi. Murid-murid patutlah

diajar bahasa Inggeris mulai dari peringkat awal atau pra-sekolah. Sekurang-kurangnya mereka juga diajar pada Tahun Pertama kerana saya telah difahamkan bahawa bahasa Inggeris akan diajar di peringkat Tahun Tiga sahaja. Oleh itu, saya rasa ia adalah satu daripada faktor menyebabkan kelemahan mereka untuk menguasai bahasa Inggeris. Saya mencadangkan supaya bahasa Inggeris patut diajarkan di peringkat yang lebih awal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya Kerajaan mesti membekalkan buku teks secukupnya kepada murid-murid di luar bandar seperti buku teks Bahasa Malaysia, bahasa Iban dan lain-lain. Saya juga mencadangkan supaya sebuah kolej atau Maktab Perguruan Sarawak akan dibina antara bandar Sibu, Selangau dan Mukah kerana Maktab Perguruan Sibu, Sarawak yang dahulu telah dipindahkan ke Bahagian Miri, Sarawak sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit-sebanyak berkenaan dengan Kementerian Dalam Negeri iaitu tentang kuasa meluluskan surat beranak dan kad pengenalan.

Tuan Yang di-Pertua, satu bahagian di Sarawak, katakan Bahagian Sibu atau kawasan saya iaitu P.174 Selangau lebih besar dari kawasan negeri Pulau Pinang. Sekiranya kelulusan surat beranak hanya dapat dibuat di Ibu Pejabat Pendaftaran Kuching, perkara ketidakadaan surat beranak ini semakin hari akan bertambah rumit. Jadi, saya mencadangkan supaya kelulusan surat beranak dapat dibuat di setiap peringkat Bahagian negeri Sarawak supaya masalah ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.

Begitu juga, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Balai Polis Pasukan

Polis Hutan di Sibu kerana saya telah difahamkan bahawa rumah atau barrack Pasukan Polis Hutan di Sibu telah tidak begitu memuaskan dan Polis Hutan di Sibu kebanyakan mereka tinggal di rumah sewa dan oleh yang demikian, saya harap Kementerian Dalam Negeri akan mengambil serius tentang perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang diperuntukkan sebanyak RM164 juta di mana peranan Kementerian ini ialah memupuk budaya ikram bagi wargatua dan Pusat Pemulihan Orang Cacat. Saya harap dengan peruntukan ini Rumah Wargatua dan Rumah Orang Cacat di Sarawak dapat diberi keutamaan kerana kebanyakan Rumah Wargatua dan Rumah Orang Cacat di Sarawak tidak begitu memuaskan. Saya ingin bertanya berapa ramaikah orang cacat dan orang tua di Sarawak setakat ini? Berapa orang telah bekerja dengan Kerajaan atau dengan pihak swasta? Berapa orang telah bekerja atau membuat business sendiri dan sebagainya?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Pengangkutan dengan sekaligus di mana Kementerian itu diperuntukkan sebanyak RM2.289 bilion untuk melaksanakan beberapa projek utama jalan raya seluruh negara termasuk jalan-jalan besar utama di Sarawak dan Sabah.

Saya rasa negeri Sarawak patutlah diberikan keutamaan dan diberi lebih banyak peruntukan memandangkan Sarawak kawasan yang besar, tambah pula pembangunan infrastruktur komunikasi di Sarawak amatlah

menyedihkan dan ketinggalan dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Saya yakin banyak lagi jalan-jalan raya menghubungi bandar, bahagian, daerah dengan kawasan luar bandar, kampung-kampung, rumah panjang di Sarawak akan diteruskan supaya Dasar Pembangunan dapat dicapai dalam konteks Wawasan 2020 seperti jalan raya dari daerah Kanowit ke Kapit dan terus ke Belaga dan lain-lain lagi seperti di kawasan saya P.174 – Selangau.

Saya rasa peruntukan bagi pembinaan jalan raya di Sarawak patut ditambahkan dua, tiga kali ganda kerana kebanyakan jalan raya belum dapat diteruskan. Dengan peluang ini, saya merujuk kepada jambatan Sungai Rajang/Sibu di mana projek itu telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Saya ingin bertanya bilakah projek jambatan itu akan dibina dan berapakah perbelanjaannya memandangkan jambatan itu sangat penting untuk menghubungi jalan utama di negeri Sarawak?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Kementerian Pertanian yang telah diperuntukkan dengan RM1.842 bilion bagi mengurus beberapa agensi pertanian seperti MARDI, LPP, LPN dan lain-lain agensi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan peruntukan sebanyak ini, Kementerian Pertanian akan terus mencari jalan untuk menyelesaikan masalah kejatuhan harga koko, lada hitam dan getah bagi pekebun kecil di luar bandar di Sarawak atau di seluruh negara. Saya telah mengemukakan perkara ini beberapa kali di Dewan yang mulia ini. Apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah kejatuhan harga koko, lada hitam dan getah bagi petani-petani dan pekebun-pekebun kecil? Adakah Kerajaan

bercadang untuk menukarkan tanaman mereka kepada tanaman yang lain seperti buah-buahan atau menukar ke bidang yang lain yang ada mengeluarkan hasil yang lebih lumayan seperti ternakan ayam atau membela ikan di kolam mereka sendiri?

Saya mencadangkan supaya duti import racun serangga dan baja dihapuskan supaya barang-barang tersebut lebih murah lagi dan dengan itu para petani atau pekebun kecil kita dapat membeli dengan harga yang berpatutan. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan juga, berapakah bantuan yang telah diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi subsidi baja padi atau bantuan yang lain dalam bidang pertanian dan perikanan? Adakah Kerajaan menggalakkan menanam padi dua kali setahun supaya dapat meningkatkan produktiviti bagi penanam padi di Sarawak? Berapa buah kampung atau rumah panjang telah terlibat dengan skim menanam padi dua kali setahun? Adakah Jabatan Pertanian Sarawak dibekalkan dengan alat-alat pertanian moden seperti mesin pengorek tanah, jentera pembajak sawah, mesin untuk membuat perparitan dan sebagainya untuk petani dan pekebun-pekebun kecil di luar bandar?

Jika mereka tidak dibekalkan dengan alat-alat yang demikian, kebanyakan para petani kita di Sarawak masih menggunakan sistem bertani secara tradisional. Saya yakin dan percaya Kerajaan akan memandang serius dalam perkara ini kerana kebanyakan penduduk Sarawak, lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar, hidup mereka bergantung kepada sumber pertanian dan mereka yang tinggal di tepi laut hanya bergantung dengan pencarian mereka sebagai nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Kementerian Penerangan sejumlah RM346 juta telah diperuntukkan untuk sistem pengkomputeran, lesen radio dan TV, pengluasan Program Kampungku serta lain-lain perkhidmatan dan bekalan. Dengan ini, saya mencadangkan untuk memohon banyak lagi program-program tempatan di negeri Sarawak dapat ditayangkan dalam televisyen kita.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan sebahagian besar penduduk di Sarawak ialah Dayak Iban, saya rasa sudah sampai masanya bagi selingan bahasa Iban dapat dikeluarkan di rancangan televisyen kita bagi program seperti Berita Perdana kerana kebanyakan penduduk Dayak Iban di luar bandar tidak begitu faham Bahasa Malaysia. Kita mahu setiap lapisan rakyat di negara ini mengetahui dasar Kerajaan untuk mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Ya. Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara belia di mana peruntukan RM348 juta bagi membina insan yang mahir, bermoral tinggi dan berjiwa kepada bangsa, agama dan negara. Bagi tujuan tersebut, iaitu harapan kita untuk membina beberapa kompleks sukan di seluruh negara. Oleh yang demikian, kami berharap di Sarawak banyak lagi kompleks sukan akan dibina di kampung-kampung, di rumah-rumah panjang di seluruh bahagian atau daerah supaya belia kita mendapat kemudahan untuk meningkatkan mutu sukan mereka. Dengan yang demikian, kita perlu bangsa Malaysia yang maju, yang sanggup menghadapi segala cabaran yang akan dapat bersaing dengan mana-mana negara di dunia masa ini.

Sekian sahaja saya ucapkan dan saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Batu Gajah.
6.00 *ptg.*

Tuan Foo Piew Kok [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini, konsep penswastaan perkhidmatan-perkhidmatan awam serta agensi-agensi Kerajaan telah pun menjadi trend di negara kita. Sasaran terbarunya adalah Jambatan Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Jambatan Pulau Pinang yang telah menelan belanja RM807 juta, siap pada bulan Ogos, 1985. Kos pembinaan jambatan ini dibiayai melalui pinjaman luar, iaitu melalui pelbagai pertubuhan kewangan. Buat masa sekarang, jumlah hutang yang masih lagi tertunggak adalah RM309 juta. Jumlah kutipan tol bagi Jambatan Pulau Pinang dari tahun 1985 sehingga 1989 adalah RM126 juta. Bagi tahun-tahun 1990 sehingga 1993, jumlah kutipan adalah RM199 juta. Ini menunjukkan satu peningkatan sebanyak lebih kurang 10% bagi setiap tahun yang berikutnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kenyataan akhbar, Jambatan Pulau Pinang telah pun diswastakan kepada Syarikat Mekar Idaman, di mana ia terdiri daripada syarikat UEM yang mempunyai pegangan ekuiti 80%; Kerajaan Pulau Pinang yang mempunyai pegangan ekuiti 15%; dan Yayasan Pulau Pinang yang mempunyai pegangan ekuiti 5%. Syarikat Mekar Idaman diberi konsesi untuk selama 25 tahun dengan syarat-syarat yang berikut:

- (i) ia membayar wang RM550 juta kepada Kerajaan dalam jangka masa 6 bulan;

- (ii) ia menanggung liabiliti pinjaman luar tertunggak sebanyak RM309 juta; dan
- (iii) UEM akan melebarkan jalan di Jambatan Pulau Pinang daripada empat laluan kepada enam laluan di dalam jangka masa 12 tahun pertama konsesi.

Bahkan, Kerajaan bersetuju menanggung kos pengurusan serta pembaikan Jambatan Pulau Pinang bagi 12 tahun pertama konsesi tersebut, dengan 13 tahun dan akhirnya ditanggung oleh Syarikat Mekar Idaman.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dianggarkan, kutipan tol bagi 25 tahun bermula dari 1hb Oktober 1993 sehingga 13hb Mei 2018, adalah lebih kurang RM6,000 juta ataupun RM6 bilion berdasarkan peningkatan 10% bagi setiap tahun yang berikutnya. Jumlah kos pengurusan dan penyelenggaraan Jambatan Pulau Pinang untuk 13 tahun terakhir konsesi tersebut dianggarkan pada jumlah lebih kurang RM78 juta. Bagi projek pelebaran laluan Jambatan Pulau Pinang daripada empat lorong kepada enam lorong bolehlah dianggarkan pada jumlah konservatif tidak melebihi RM300 juta.

Maka, bagi satu pelaburan, sebanyak RM807 juta oleh Syarikat Mekar Idaman, keuntungannya yang diperolehi adalah melebihi RM4,800 juta ataupun RM4.8 million. Kerajaan akan kerugian daripada penswastan ini dari segi kutipan tol dan bebanan kos mengurus serta menyelenggara Jambatan Pulau Pinang bagi 12 tahun yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, cara Jambatan Pulau Pinang ini diswastakan ini tidak begitu sesuai dan meyakinkan. Kenyataan

Menteri Kerja Raya bahawa penswastan Jambatan Pulau Pinang dikendalikan berdasarkan 'siapa cepat, siapa dapat'. menimbulkan syak wasangka terhadap seluruh proses penswastan Jambatan Pulau Pinang. Adakah pemilihan Syarikat Mekar Idaman dibuat atas sistem pilih kasih berdasarkan parti politik? Bagi Kerajaan menswastakan Jambatan Pulau Pinang pada harga yang rendah atas alasan bebanan kos penyelenggaraan dan hutang adalah amat tidak munasabah, memandangkan bagi jangka masa panjang, keuntungan yang diperolehi jauh melebihi wang tunai RM550 juta untuk jangka masa pendek.

Saya ingin meminta Menteri Kerja Raya menjelaskan apakah anggaran kos penyelenggaraan dan termasuk projek menambahkan bilangan laluan lalu-lalang daripada empat ke enam lorong serta hutang yang dianggap oleh beliau sebagai membebankan, pada hal keuntungan jangka masa panjang dianggarkan pada RM6,000 juta ataupun RM6 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, setiap penswastan di negara kita ini selalunya berbau politik. Sudah menjadi amalan biasa bagi Kerajaan menswastakan sesuatu badan atau organisasi bagi mengaut untung jangka masa pendek dan juga wang 'keep back', dengan izin, bagi setengah-setengah individu tertentu. Saya menggesa Kerajaan, terutamanya Menteri Kewangan merujuk semula projek penswastan Jambatan Pulau Pinang itu supaya kenyataan beliau berkenaan menjamin keberkesanan penguatkuasaan berterusan dan berpanjangan. Ia juga merupakan langkah bagi mencegah rasuah dan penyalahgunaan kuasa tidak menjadi omong-omong kosong.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Mas.

6.08 *ptg.*

Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Belanjawan 1994 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 29 Oktober 1993.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan oleh kerana kemenangan beliau di dalam pemilihan parti UMNO yang baru lepas di dalam jawatan Timbalan Presiden, dan beliau menang tanpa ada tandingan. Ini memang menjadi satu petanda yang baik untuk Yang Berhormat Menteri Kewangan dan kita di dalam Barisan Nasional mengalu-alukan kepimpinan beliau di dalam jawatan sebagai Timbalan Presiden UMNO.

Saya juga tidak ketinggalan untuk mengucapkan tahniah sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan oleh kerana membentangkan satu Belanjawan yang terbaik sekali. Telah terbukti Belanjawan 1993 telah memecah rekod di mana ialah kali pertama strategi Belanjawan berimbang tercapai, iaitu pada tahun 1993 di mana hasil Kerajaan meningkat ke paras RM41.23 bilion dan manakala jumlah keseluruhan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan adalah RM41.036 bilion.

Saya juga mengucapkan tahniah oleh kerana Belanjawan 1994 ini mengandungi strategi yang berpandangan jauh dan berwawasan tinggi seperti:

- (i) memastikan pertumbuhan ekonomi terus utuh, segar dan mampan;
- (ii) membanteras inflasi;

(iii) menggilap keterampilan dan menguasai teknologi; dan

(iv) membina masyarakat seimbang dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa yang begitu singkat, saya tidak ingin menghuraikan mengenai Belanjawan 1994, dan saya hanya ingin menyentuh sedikit hal mengenai satu isu, iaitu sehubungan dengan isu mengenai perpaduan dan keharmonian di kalangan masyarakat kita di Malaysia.

Saya ingin menyentuh hal perpaduan dan keharmonian, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana selepas kita merdeka 30 tahun di dalam Malaysia, masih ada golongan yang tertentu tidak faham betapa pentingnya kita di Malaysia. Kita sebagai rakyat Malaysia patut bersyukur atau berterima kasih oleh kerana pemimpin-pemimpin kita telah membina sebuah negara yang kini telah menjadi sebuah negara contoh di Asia Tenggara dan juga di kalangan negara-negara membangun di dunia ketiga. Negara Malaysia sekiranya disebutkan di kalangan pemimpin-pemimpin daripada negara-negara luar, negara Malaysia membawa satu bau yang harum dan nama Malaysia sukar dilupakan oleh peserta-peserta dari negara luar.

Pemimpin-pemimpin kita, khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sangat dihormati dan juga disegani dan disanjung tinggi oleh pemimpin-pemimpin negara luar, termasuk bekas Perdana Menteri United Kingdom dan negara Malaysia juga setakat ini sudah mencapai satu tahap yang boleh dikatakan cemerlang. Oleh kerana itu, saya ingin menyentuh hal mengenai perpaduan dan keharmonian ini. Saya memetik sedikit contoh iaitu dari

kepimpinan negeri Sarawak atas kepimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak.

Negeri Sarawak iaitu Bumi Kenyalang ini, kalau kita bandingkan dengan Semenanjung Malaysia sekiranya, dengan izin, "if you minus Melaka", negeri Sarawak memang sebesar dengan Semenanjung Malaysia dan hanya mengandungi jumlah penduduk seramai 1.8 juta orang. Semua penduduk ini menduduki Bumi Kenyalang di beberapa tempat dan oleh kerana itu menjadi satu cabaran yang besar sekali untuk pemimpin-pemimpin, khususnya untuk Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak. Walau bagaimanapun, negeri Sarawak di atas pimpinan Ketua Menteri Sarawak telah mencapai dan mencipta banyak rekod yang perlu menjadi contoh-contoh, khususnya bagi negeri-negeri yang lain di negara Malaysia, baik di dalam bidang pertumbuhan ekonomi, pembangunan sosial dan juga di arena sukan. Kalau dahulunya, bumi Kenyalang dikenali sebagai "the land of the head hunters", mungkin pada masa sekarang ini, orang yang minat menonton bolasepak Piala Malaysia, dengan izin, Malaysia Cup 1993, John Hunter sentiasa muncul di dalam pasukan Sarawak.

Yang penting sekali, Tuan Yang di-Pertua, iaitu yang menghairankan saya ialah bagaimana Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak dengan usaha beliau dapat menyatupadukan masyarakat yang berbilang bangsa. Di negeri Sarawak, tidak kurang daripada 26 suku kaum atau bangsa yang menduduki bumi Kenyalang ini dan tiap-tiap kaum ini mengamalkan adat Islam dan budaya yang berlainan untuk menyatupadukan semua pihak ataupun suku kaum yang berlainan ini. Dari segi aspirasi dan juga

persepsi-persepsi yang tidak sehaluan, khususnya di kalangan para intelektual dari semua kaum, memang sukar sekali hendak dicapainya. Untuk mentadbirkan negeri yang hampir sama besar dengan Semenanjung Malaysia di mana di Semenanjung Malaysia kita ada 11 orang Ketua Menteri, tetapi di Sarawak hanya seorang sahaja Ketua Menteri, memang menjadi satu cabaran yang hebat sekali.

Walaupun bagaimanapun, negeri bumi Kenyalang ini telah melangkah ke era baru di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud melalui politik pembangunan yang dilaung-laungkan oleh beliau. Tetapi kemajuan ini yang kita telah mengalami selama ini bukan hanya tercapai oleh kerana sesuatu sahaja. Ia tercapai dengan cabaran-cabaran yang begitu hebat, baik dari segi arena politik ada cabaran yang hebat seperti "Ming Court Crisis" pada tahun 1987 di mana pihak tertentu telah bekerja keras untuk menggulingkan Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sarawak, memang termasuk rakan kita daripada Parti Bangsa Dayak Sarawak. Ini menjadi satu sejarah sahaja, tetapi kita perlu mempelajari sejarah supaya kita dapat merangka dan merancang pada masa yang akan datang supaya kita tidak mengulangi sekali lagi langkah yang salah itu.

Untuk memajukan ekonomi negeri bumi Kenyalang ini, tidak ada lain bagi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, khususnya untuk mengusahakan industri pembalakan, oleh kerana industri pembalakan ini dapat memberi sumbangan yang besar dari segi pendapatan cukai untuk membangunkan negeri Sarawak. Malangnya langkah ini pun tidak dilupakan oleh pihak tertentu, termasuk satu golongan bersama

daripada bumi Kenyalang bekerjasama dengan orang Barat, menghentam, mengkritik dan memburuk-burukkan nama negeri Sarawak di kalangan orang-orang asing ataupun di negara-negara luar.

Saya memberi contoh ini supaya ia menjadi satu cabaran. Oleh kerana itu, negeri Sarawak muncul daripada segala cabaran ini membangunkan bumi Kenyalang ini dan menyatupadukan semua kaum di seluruh negeri Sarawak. Mereka yang dahulunya memperalatkan satu suku kaum iaitu kaum Penan di Sarawak yang menjadi champion untuk kaum ini ataupun menjadi "Robin Hood" untuk kaum ini, sekarang bunyi mereka pun sukar kita dengar. Ini menandakan melalui cabaran-cabaran ini dan kepimpinan yang begitu wajar dan disokong oleh rakyat dengan 100%, kita muncul menjadi satu negeri contoh.

Saya berharap dengan latarbelakang ini, saya akan memperingatkan khususnya Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, kita harus memelihara perpaduan ataupun keharmonian di kalangan masyarakat kita di Malaysia ini. Sekiranya kita ingin memelihara ataupun menjagakan keharmonian yang sedang ada sekarang, saya berharap ada beberapa perkara yang perlu dan tidak semestinya kita tidak dapat membangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Oleh kerana kesuntukan masa, saya akan petikkan beberapa perkara. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu bangsa. Tidak sesiapa pun dapat merendahkan atau memburuk-burukkan imej sesuatu suku kaum atau bangsa di Malaysia ini. Oleh kerana selama ini kita dapat memelihara perpaduan yang begitu erat, Malaysia

menjadi sebuah negara yang maju dan menjadi negara contoh di dunia ketiga.

Sekiranya kita sebagai Ahli Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat tidak menghormati sesuatu suku kaum ataupun bangsa yang hidup di Malaysia ini, sukar untuk kita meneruskan segala apa pembangunan dan keadaan ekonomi ataupun kestabilan politik yang ada sekarang. Dan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung, ya.

Tuan Michael Lisa Kaya: Selain daripada isu-isu ini; yang kedua, iaitu isu agama; yang ketiga, isu adat resam; dan yang keempat isu perkauman. Saya ingin menerangkan sedikit mengenai isu perkauman, telah terbukti bahawa di negeri Sarawak ada segolongan ataupun satu parti yang selalu melaung-laungkan isu perkauman. Kita sudah ketahui sekarang parti PBDS dengan adanya pucuk pimpinan yang begitu berpandangan jauh, yang waras, wajar, parti PBDS kita sambut balik ke dalam Barisan Nasional. [*Tepuk*]

Mengenai isu perkauman ini, kita berharap selepas ini tidak semesti seorang dapat melaung-laungkan seperti ini oleh kerana isu ini adalah isu yang sudah lapuk, isu yang tidak membawa makna dan faedah untuk kita pada zaman sekarang.

Isu yang kelima itu ialah isu environmentalists, dengan izin. Negeri Sarawak menjadi sebuah negeri yang selalu dihentam oleh environmentalists. Saya berharap juga orang menjadi "Robin Hood" pada masa yang lalu, dapat berhenti sekarang dan supaya kita bersama berganding bahu, memaju dan memelihara perpaduan dan kehar-

monian di kalangan masyarakat supaya negara Malaysia menjadi sebuah negara yang baik, aman dan damai yang semua kita cintai.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak yang saya ingin sentuh di sini, saya mengucapkan berbilang terima kasih dan saya menyokong Belanjawan 1994.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Machang.

6.22 ptg.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan [Machang]: Terima kasih Yang di-Pertua. Inilah kali yang ketiga Menteri Kewangan sekarang membentangkan belanjawannya dan kita dapati bahawa ketiga-tiga kali pembentangan tersebut disambut dengan baik oleh semua Ahli-Ahli Dewan Rakyat termasuk Ahli-Ahli Pembangkang. Dengan pihak Pembangkang telah memberi alasan bahawa setiap kali pembentangan Belanjawan dibuat, mengatakan bahawa itulah Belanjawan pilihanraya, sedangkan bahawa pembentangan ini telah dibuat ketiga kali berturut-turut dan tiap-tiap pembentangan itu merupakan satu pembentangan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada Belanjawan tersebut ditumpukan, pada hemat saya ialah untuk industrilisasi iaitu meningkatkan perindustrian di negara kita. Industrilisasi adalah seiring dengan urbanisasi. Adalah dianggarkan bahawa 70% daripada penduduk di Malaysia ini akan tinggal di bandar di awal abad hadapan nanti iaitu di abad yang kedua puluh satu.

Satu perkara yang perlu kita awasi daripada sekarang ialah perbandaran atau urbanisasi sekarang ini hanya ditumpukan

kepada Kuala Lumpur. Sebahagian besar daripada pembangunan, sebahagian besar daripada pejabat-pejabat, ibu-ibu pejabat kepada semua sektor baik sektor awam ataupun sektor swasta telah didirikan di Kuala Lumpur. Empat daripada lapan buah universiti yang ada telah dibina di Kuala Lumpur ataupun di sekitar Lembah Kelang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau pembangunan seperti ini terus dilakukan, saya khuatir Kuala Lumpur akan menjadi satu "primate" city. "Primate" city ertinya ialah satu bandaraya yang besar yang mana bandaraya ini menjadi beberapa kali ganda lebih besar daripada bandar yang kedua besarnya. Jadi, perkembangan ini mungkin tidak sihat bagi Malaysia kerana kita akan menjadi sebuah "one-nation city" seperti apa yang berlaku di Mexico, di Indonesia ataupun Bangkok. Oleh itu, apabila terlampau banyak pembangunan ditumpukan ke Lembah Kelang, maka akan berlakulah masalah setingan, masalah jalan raya yang sesak dan walau pun sebanyak mana pembangunan dicurahkan kepada Lembah Kelang ini, masalah itu tidak akan selesai kerana semakin banyak pembangunan, semakin ramai penduduk yang akan tertumpu kepada Lembah Kelang. Walau pun banyak orang mengatakan bahawa Kuala Lumpur bukannya sebuah bandaraya "primate", bukannya "primate" city kerana mereka mengatakan bahawa mengiktirafkan Kuala Lumpur hanya seluas lebih kurang 100 batu persegi. Sebenarnya dari segi ini, Kuala Lumpur adalah dengan izin, under boulder. Sebenarnya, kita patut memasuki kawasan Lembah Kelang ini sebagai Kuala Lumpur.

Dalam satu seminar baru-baru ini, telah membuat satu perangkaan bahawa penduduk di sekitar Lembah Kelang telah

meningkat lebih daripada 3 juta. Bayangkanlah keadaan ini, apa yang akan berlaku di dalam tahun 2020 nanti apabila kita mencapai tingkat perindustrian. Oleh itu, kalau kita ingin mencapai sebuah negeri yang maju, maka kita perlu memperbanyakkan lagi bandar-bandar di negara kita – bandaraya-bandaraya yang besar. Oleh itu, saya mencadangkan supaya semua ibu negeri yang ada di Malaysia ini, dijadikan bandaraya dan dijadikan bandar-bandar tumpuan.

Di Pantai Timur misalnya, tidak ada sebuah pun bandaraya lagi yang wujud dan tidak ada sebuah universiti pun yang wujud di Pantai Timur sama ada di Kelantan, Terengganu ataupun Pahang. Oleh itu, saya mencadangkan supaya pusat-pusat pengajian tinggi ini disebarkan sama rata di seluruh negara dan juga saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan mengadakan sistem desentralisasi, ertinya mewujudkan ibu pejabat setengah-setengah jabatan itu di luar Kuala Lumpur seperti yang telah diterokai oleh Lembaga Padi Negara (LPN) dan juga Lembaga Tembakau Negara (LTN).

Oleh itu, saya mengharapkan penyebaran jabatan-jabatan di bawah Kementerian-kementerian tertentu. Sekarang ini, walaupun kita mengada dan mewujudkan headquarters ataupun markas di luar Kuala Lumpur tidak menjadi masalah, kerana kita sekarang ini telah ada sistem komputer di mana kita boleh mengambil maklumat dengan cekap dan cepat.

Tuang Yang di-Pertua, soal yang kedua ialah soal yang selalu sahaja dibicarakan iaitu kemiskinan, Oleh itu, saya mencadangkan supaya untuk meringkaskan masa, banyak kita telah

buat untuk mengatasi masalah kemiskinan ini. Tetapi segala usaha kita itu tidak dikoordinasikan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya sama ada Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang ada sekarang ataupun satu Kementerian lagi diwujudkan untuk menyelaraskan kerja-kerja untuk membasmi kemiskinan.

Sekarang ini kita ada banyak agensi, jabatan dan Kementerian yang menjalankan usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan – Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perusahaan Awam dan sebagainya – terlalu banyak. Kadang-kadang banyak berlaku pertindihan di antara satu sama lain. Oleh itu, saya mencadangkan satu Kementerian ditubuhkan ataupun menggunakan Kementerian yang ada untuk menyelaraskan usaha-usaha untuk membasmi masalah kemiskinan yang ada. Oleh itu, saya mencadangkan supaya misalnya, kita sekarang telah mengecamkan di dalam Rancangan Malaysia Keenam, telah dikenalpasti sebanyak 172,000 penduduk miskin di negara kita. Jadi, saya mencadangkan supaya semua saluran bantuan itu disalurkan kepada Kementerian ini.

Misalnya, apabila kita hendak mengambil peneroka FELDA, kita menggunakan Kementerian ini untuk mencari dan mengambil peneroka FELDA yang terdiri daripada penduduk-penduduk termiskin (PPRT). Begitu juga untuk Rancangan Tanah FELCRA dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memudahkan kerja semua pihak, semoga golongan termiskin ini diberi satu macam identification misalnya. Identification

supaya apabila mereka ini pergi ke hospital-hospital, mereka terus mendapat rawatan percuma dan tidaklah menjadi satu bebanan kepada misalnya, Wakil-Wakil Rakyat setiap orang miskin pergi ke rumah, taip surat dan sebagainya, minta rayuan kepada orang berkenaan supaya memberi pengecualian bayaran kepada penduduk-penduduk miskin ini.

Oleh itu, saya mencadangkan.....

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, masa Mesyuarat sudah cukup. Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.